



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA SENIMAN VETERAN  
ENCIK HAFIDZUDDIN FAZIL**

**OLEH:**

|   |                   |
|---|-------------------|
| <b>MUHAMMAD RAZIF ALHAJ BIN MATDAUD</b> | <b>2021715187</b> |
| <b>MUHAMAD ZAIDI BIN IDRIS</b>          | <b>2021597609</b> |

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022-OGOS 2022)**

## ISI KANDUNGAN

| NO  | ISI KANDUNGAN                        | M/S |
|-----|--------------------------------------|-----|
|     | Abstrak                              | 1   |
|     | Penghargaan                          | 2   |
|     | Senarai singkatan                    | 3   |
|     | Biodata penemubual                   | 4   |
|     | Biodata tokoh yang dipilih           | 6   |
| 1.0 | Pengenalan                           |     |
|     | 1.1 Pendahuluan                      | 7   |
|     | 1.2 Latar belakang                   | 8   |
|     | 1.3 Permasalahan kajian              | 9   |
|     | 1.4 Objektif kajian                  | 10  |
|     | 1.5 Persoalan kajian                 | 11  |
|     | 1.6 Kepentingan dan sumbangan kajian | 11  |
| 2.0 | Tinjauan literatur                   | 12  |
| 3.0 | Metodologi                           | 15  |
|     | 3.1 Pendekatan kajian                | 15  |
|     | 3.2 Peserta kajian                   | 15  |
|     | 3.3 Prosedur pengumpulan data        | 16  |
|     | 3.4 Carta gant projek                | 17  |
| 4.0 | Transkrip temubual                   | 19  |
| 5.0 | Ralat                                | 60  |
| 6.0 | Log temubual                         | 61  |
| 7.0 | Hasil kajian                         | 70  |
|     | Indeks                               | 74  |
|     | Rujukan                              | 75  |
|     | Lampiran                             |     |
|     | Lampiran 1- surat kebenaran          | 77  |
|     | Lampiran 2- surat perjanjian         | 78  |
|     | Lampiran 3- soalan temubual          | 79  |
|     | Lampiran 4- diari kajian             | 83  |
|     | Lampiran 5- gambar                   | 87  |

## **ABSTRAK**

### **Transkrip Wawancara Bersama Seniman Veteran, Encik Hafidzuddin Fazil**

*Temubual ini dilakukan bersama Hafidzuddin bin Fazil, pelakon veteran tanah air yang berumur 63 tahun untuk mengetahui lebih mendalam tentang perjalanan beliau dalam bidang seni tanah air. Hafidzuddin Fazil mula bergiat aktif dalam bidang perfileman tanah air pada tahun 1990 sehingga kini. Beliau yang kini masih lagi bergiat aktif dalam bidang seni tanah air banyak memegang watak bapa apabila berlakon dan pernah menjadi pelakon alih suara kartun animasi. Pelbagai pengalaman, ujian dan cabaran yang dihadapi oleh beliau ketika berada dalam industri perfileman. Dengan temubual sebegini, sejarah dan perjalanan yang dilalui oleh Hafidzuddin bin Fazil sebagai penggiat seni dapat dijadikan sumber inspirasi dan semangat kepada semua masyarakat.*

*Kata kunci: seniman, veteran, alih suara, pelakon, filem*

*This interview was conducted with Hafidzuddin bin Fazil, a 63-year-old veteran actor in the country to find out more about his journey in the field of art in the country. Hafidzuddin Fazil began to be active in the field of films in his homeland in 1990 until now. He who is still active in the art field of his country often plays the role of a father when acting and has been a dubbing actor for animated cartoons. Various experiences, tests and challenges faced by him while in the film industry. With this kind of interview, the history and journey of Hafidzuddin bin Fazil as an artist can be used as a source of inspiration and enthusiasm for all communities.*

*Keywords: artists, veterans, dubbing, actors, movies*

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirahim,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya diberikan tenaga dan dipanjangkan kudrat bersama sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugas berkumpulan bagi kod IMR604 (Oral Documentation) ini dengan sempurna. Syukur alhamdulillah kehadiran ilahi kerana limpah kurnianya memberi kami kekuatan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan ini.

Di kesempatan ini, setinggi tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulnisa Binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses tugas ini dijalankan. Tidak dilupakan kepada Encik Hafidzuddin Fazil yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temubual ini meski dengan jadualnya yang padat. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapkan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini.

Kami juga ingin berterima kasih kepada ibu bapa yang telah memberikan dorongan sepanjang tugas ini dijalankan. Sekalung terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut meberikan kerjasama dalam melaksanakan tugas ini.

Sekian, terima kasih

**SENARAI SINGKATAN**

| <b>SINGKATAN</b> | <b>NAMA PENUH</b>            |
|------------------|------------------------------|
| COVID-19         | Coronavirus disease          |
| UiTM             | Universiti Teknologi Mara    |
| ITM              | Institusi Teknologi Mara     |
| TV               | Televisyen                   |
| RA               | Razif AlHaj                  |
| ZI               | Zaidi Idris                  |
| HF               | Hafidzuddin Fazil            |
| VO               | Voice Over                   |
| IG               | Instagram                    |
| SOP              | Standard Operating Procedure |
| KK               | Kota Kinabalu                |
| JB               | Johor Bharu                  |

## **BIODATA PENEMUBUAL**

### **PENEMUBUAL 1**



Nama : Muhammad Razif AlHaj Bin MatDaud  
Alamat : D08 Kg Sabang Bongawan 89700 Papar Sabah  
Nombor Telefon : 011-23671517  
Emel : muhd.razif.17@gmail.com  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)

## **PENEMUBUAL 2**



Nama : Muhamad Zaidi Bin Idris  
Alamat : No 641 Lorong 13, Taman Bandar Baru PKNK, 08000 Sungai  
Petani, Kedah  
Nombor Telefon : 013-5357917  
Emel : zairis000321@gmail.com  
Program : Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM245)

## BIODATA TOKOH YANG DIPILIH



|                   |  |
|-------------------|--|
| Nama Penuh:       | Hafidzuddin Fazil  |
| Tarikh lahir:     | 17 Oktober 1958 (64 Tahun)   |
| Tempat lahir:     | Kuantan, Pahang, Malaysia  |
| Kewarganegaraan:  | Malaysia   |
| Bangsa:           | Melayu   |
| Agama:            | Islam  |
| Pendidikan:       | Diploma Sains Gunaan (Micro-Biology)   |
| Pusat Pendidikan: | Institusi Teknologi MARA (ITM), Malaysia<br>(Kini: Universiti Teknologi Mara (UiTM)) |
| Pekerjaan:        | Pelakon  |
| Tahun aktif:      | 1990–kini  |
| Hobi:             | Menonton filem   |



## **1.0           PENGENALAN**

### **1.1           PENDAHULUAN**

Menurut Kamus Bahasa Melayu, maksud seniman dapat ditakrifkan sebagai orang yg mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu seperti pelukis, penyair, penyanyi serta bintang filem yang telah lama melibatkan diri dalam perfileman dan telah mencapai tahap yg tertentu. Seniman juga bermaksud orang seni atau anak wayang. Bagi erti kata lain artis yang telah lama dalam bidang perfileman atau lakonan juga dapat ditakrifkan sebagai seniman veteran oleh kerana pengalaman yang dilalui sepanjang karier mereka.

Pelakon adalah mereka yang melakonkan sesuatu watak di dalam sesuatu pementasan seperti bangsawan, teater, Mak Yong, Menora, atau penerbitan seperti filem, drama, lakonan, dan yang sepertinya. Biasanya seseorang pelakon akan melakonkan watak khayalan. Untuk kisah benar, pelakon tersebut mungkin melakonkan watak orang sebenar. Kadangkala, pelakon juga muncul sebagai diri mereka sendiri. Pelakon yang telah lama berkhidmat dalam bidang perfileman layak digelar seniman. Bukan itu sahaja, Seniman bukan hanya untuk pelakon malah ia juga boleh merujuk kepada mereka yang banyak memberi sumbangan dari belakang tabir seperti pengarah, penyanyi, komposer, pelukis dan lain-lain. Apabila membicarakan tentang perihal seniman, sudah semestinya para seniman itu sendiri mempunyai hasil karya seni mereka yang tersendiri di mana mereka pakar dalam bidang yang mereka ceburi. Contohnya seni lukis, syair yang digubah sendiri oleh seniman, seloka atau puisi, dan juga muzik hasil pemikiran mereka.

Industri perfileman pada masa kini bukan lagi pekerjaan yang kecil, malah ia juga telah menjadi salah satu bidang yang dikejar untuk berada dalam industri tanah. Hal ini kerana Industri perfileman antara pekerjaan yang dipandang tinggi oleh kerana tidak semua orang mampu dan mempunyai bakat dalam bidang ini. Bukan itu sahaja, industri ini juga menawarkan bayaran yang agak lumayan setanding dengan bakat yang diperagakan oleh seseorang. Tambahan lagi, industri ini juga sedikit sebanyak dapat mengharumkan nama negara apabila bakat anak seni kita dipersembahkan kepada penonton luar negara. Oleh yang demikian, bakat serta pengalaman seseorang itu ketika berkhidmat sepanjang hidup di dalam industri tersebut wajar digelar sebagai ikon atau lebih bermakna lagi

sebagai Seniman patut diingati. Walaupun bidang ini mendapat sambutan hangat oleh kerana bayarannya yang tinggi dan mudah untuk menjadi terkenal, namun untuk mendapat sebegitu perlu melalui liku-liku yang mencabar untuk menjadi seorang seniman yang berkualiti, jika tidak kita akan disisihkan.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kajian yang akan dilakukan ialah Oral Documentation atau dalam istilah melayu ialah sejarah lisan. Kajian ini adalah untuk mengkaji sejarah seseorang dengan secara lisan dengan kaedah menemu bual seseorang itu untuk mendapatkan maklumat beliau. Kaedah ini juga merupakan salah satu cara untuk mendalami dan mengetahui pengalaman dan sumbangan seseorang sebagai seniman sepanjang hidup mereka. Orang yang akan ditemu bual dalam kajian ini semestinya seseorang yang telah mempunyai pelbagai pengalaman hidup sepanjang kariernya dan sumbangan sebagai seniman tanah air. Kajian ini dilakukan untuk mengumpul sebanyak mungkin maklumat mengenai seniman tanah air. Segala maklumat yang diberikan akan direkodkan dan dirumuskan untuk dijadikan bahan rujukan serta untuk menghargai jasa seniman tanah air kita.

Seniman veteran yang telah dipilih untuk ditemu bual adalah saudara Hafidzuddin Fazil merupakan antara pelakon yang sangat terkenal. Beliau yang sangat terkenal dengan watak bapa, datuk dan orang kenamaan. Beliau antara pelakon veteran yang sangat berbakat dalam bidang lakonan. Beliau sering membintangi filem dan drama yang ada di tanah air. Walaupun umur beliau telah mencecah 60 tahun, tidak menjadi penghalang untuk terus berlakon dan terus konsisten dalam bidang lakonan tanah air.

Dilahirkan pada 7 Oktober 1958 di Kuantan, Pahang. Anak kelahiran Pahang itu juga merupakan alumni Universiti Teknologi Mara. Beliau bergiat aktif dalam dunia lakonan setelah menamatkan pelajaran di UiTM pada 1990-an sehingga sekarang. Hafidzuddin Fazil yang sangat terkenal dengan watak bapa-bapa dalam filem dan drama. Beliau bermula dengan filem pertamanya iaitu Cinta Kolestrol sebagai Dato' Osman. Hafidzuddin Fazil antara pelakon veteran yang masih lagi berkhidmat dalam industri seni tanah air.

Tambahan lagi, beliau juga bergiat aktif dalam bidang suara latar (voice over). Beliau memegang beberapa watak dalam mengubah suara latar dari bahasa inggeris ke bahasa melayu. Hafidzuddin Fazil banyak menggunakan suara latar beliau bagi cerita kartun yang mana bahasanya dari bahasa inggeris kepada bahasa melayu. Watak pertama bagi suara latar yang dimainkan adalah

Clayton dalam animasi Tarzan. Bukan itu sahaja, beliau juga menggunakan suara latar bagi watak Bapa Lat dalam siri animasi Kampung boy dan juga dalam animasi smurf.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan utama dalam kajian ini adalah hilangnya seniman veteran dari industri perfileman. Hal ini kerana, kebanyakan artis veteran atau bekas artis terus dilupakan kerana terlalu banyak artis baharu yang ada dalam industri. “Bagai cendawan tumbuh selepas hujan” di antara ungkapan yang sesuai diberikan kepada artis baru yang ada pada masa kini. Artis veteran yang sepatutnya disanjung oleh kerana karya dan bakat mereka kini ada yang telah lenyap malahan ada diantara mereka terus dilupakan jasa dan sumbangan. Perkara ini menjadi kerugian besar buat negara ini apabila bakat, idea dan pengalaman yang ditimpa tidak diserap oleh generasi sekarang kerana tiada yang mengenang jasa akan seniman veteran sehingga hilangnya mereka dalam industri perfileman. Selain itu, sikap segelintir masyarakat yang tidak menghargai dan menghormati orang yang lebih tua merupakan sikap yang tidak patut dicontohi dalam hidup bermasyarakat. Perkara ini boleh mendatangkan tauladan yang tidak baik kepada generasi yang akan datang dan memburukan lagi keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Bak kata pepatah Melayu, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Berikut ialah permasalahan yang mewujudkan kajian ini:

#### **Punca hilangnya seniman veteran dalam industri perfileman**

Kehilangan seniman veteran dalam industri perfileman bukanlah menjadi bualan yang hangat. Ada yang beranggapan bahawa seniman veteran ingin berhenti dan berehat daripada dunia seni. Namun sebaliknya adalah berbeza, dari apa yang ditawarkan dan kepentingan menjadi seorang seniman veteran di tanah air ini kurang diambil peduli terutamanya dari segi kebajikan. Namun begitu, masih ada persatuan-persatuan yang mengambil berat tentang seniman walaupun seniman itu tidak lagi bergiat aktif dalam dunia hiburan terutamanya semasa pandemik Covid-19. Kehilangan seniman dari industri perfileman juga berpunca daripada ketidakadilan pihak produser dan penerbit menawarkan pekerjaan kepada mereka seperti yang hangat diperkatakan sebelum ini dimana seorang seniman veteran tidak dibayar setimpal dan menyebabkan mereka terasa dipinggirkan (Syafil, 2020).

### **Keterlibatan seniman veteran dalam program televisyen pada masa kini**

Seorang seniman veteran yang lain menyuarakan luahan isi hatinya mewakili rakan-rakan artis veteran yang lain berpendapat bahawa industri seni telah menganaktirikan seniman veteran (Amirul, 2019). Ini menjadi permasalahan bukan sahaja kepada tokoh yang di temubual, malah rakan artis yang lain juga turut terlibat sama. Semua pihak produser atau penerbit perlulah bersikap adil dan bukannya memilih artis berdasarkan kadar murah atau tinggi, tetapi perlulah memberi penghargaan kepada seniman veteran yang sudah lama berkhidmat di dalam industri seni sejak awal lagi.

### **Sikap hormat-menghormati kurang dipupuk**

Hormat sesama kita adalah penting untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman masyarakat. Tidak mustahil jika kita hilang maruah diri, masyarakat kita akan hina dan boleh menjadi huru-hara akibat konflik yang tidak berkesudahan. Ini menunjukkan betapa pentingnya rasa hormat untuk menjalani kehidupan yang baik. Tidak kira tua atau muda, semua manusia mesti menjunjung cita-cita kesalinghubungan. Oleh itu, kita mesti belajar untuk menghargai satu sama lain, menghormati kepelbagaian yang wujud, dan menghormati perbezaan yang wujud di kalangan kita dari segi kapasiti dan kemahiran kita, pemahaman dan cara hidup kita, kepercayaan dan budaya kita, serta perbezaan kita dari segi aspek agama, bangsa dan budaya. Terdapat juga banyak perbezaan lain yang melangkaui sebarang jurang yang sedia ada dan kita harus menghargai dan memupuk sebanyak mungkin.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.4.1 Mengkaji latar belakang seniman veteran Hafidzuddin Fazil
- 1.4.2 Mengkaji penglibatan dan sumbangan beliau sepanjang penglibatannya dalam industri perfileman
- 1.4.3 Mengkaji mengenai anugerah dan pencapaian sepanjang penglibatan dalam industri perfileman

## **1.5 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.5.1 Apakah latar belakang tokoh seniman veteran Hafidzuddin Fazil?
- 1.5.2 Apakah penglibatan lain dalam industri bagi seniman veteran Hafidzuddin Fazil?
- 1.5.3 Apakah anugerah dan pencapaian yang pernah dimiliki sepanjang perkhidmatan beliau dalam industri perfileman tanah air?

## **1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini dilakukan adalah untuk mencari dan menaikkan semula nama-nama seniman veteran yang pernah menjadi terkenal. Kajian ini juga adalah untuk mengenang jasa dan sumbangan mereka dalam industri perfileman yang mana pengalaman yang mereka ada sepatutnya dijadikan contoh kepada artis yang baru dalam industri tersebut. Tambahan lagi, dengan adanya kajian sebegini ia dapat menarik minat generasi sekarang untuk lebih mengetahui tentang perjalanan hidup yang dilalui oleh seniman veteran yang ada di tanah air kita. Ia juga mampu memberi sedikit nafas baru kepada seseorang individu yang sebelum ini tidak mengetahui dengan lebih mendalam mengenai latar belakang seniman negara. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat menjadi salah satu sumber maklumat kepada generasi yang akan datang untuk dijadikan rujukan tentang perjalanan pahit manis seorang seniman veteran tanah air. Hal ini kerana, maklumat berkaitan seniman veteran tanah air adalah sangat terhad untuk dijadikan rujukan. Kajian ini juga banyak memfokuskan kepada seniman veteran Hafidzuddin Fazil tentang penglibatan dan sumbangannya di sepanjang kerjaya dalam bidang ini. Hal ini bertujuan untuk mendalami lagi pengalaman dan perjalanan seorang manusia yang boleh digelar seniman veteran oleh kerana bakat yang telah curahkan dalam industri perfileman.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian berkaitan sejarah lisan merupakan salah satu proses yang sangat menarik dimana seseorang itu dapat menemu bual tokoh yang dipilih serta dapat mengetahui tentang perjalanan dan pengalaman tokoh tersebut. Cara pengumpulan data bagi sejarah lisan adalah dengan merekod segala maklumat ketika proses temu bual dijalankan.

Menurut portal Pusat Kajian Sejarah Lisan UKM menjelaskan bahawa Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seorang tokoh yang dimakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

Manakala menurut Ahmad (1987) dalam artikel mengatakan Sejarah lisan merujuk kepada kaedah yang digunakan bagi seseorang untuk mendapat kebenaran mengenai sesuatu perkara seperti pengalaman hidup atau kejadian yang telah dilalui seseorang. Kajian sejarah lisan dikatakan sangat menarik kerana penyelidik akan bertemu dengan pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah daripada aspek yang pelbagai, serta mengenal lebih banyak personaliti manusia. Ia merupakan satu bidang kajian yang amat luas meliputi pelbagai golongan masyarakat seperti orang biasa, pemimpin masyarakat, gabenor, menteri kabinet, penulis terkenal, pengarang, korporat dan sebagainya (Rozeman, 2004).

Peranan sejarah lisan di kalangan seniman veteran amat penting kerana dapat mengingatkan semula pengalaman dan perjalanan pahit manis yang dilalui oleh seniman kita kerana pengalaman yang dilalui amatlah berbeza dengan sekarang. Ia bukan sahaja mengingatkan pengalaman malah berguna untuk kekosongan yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis serta untuk mengukuhkan fakta yang sedia ada. Selain itu, ia juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu masyarakat atau pun sebaliknya. Melalui sejarah lisan, orang yang di temuibual mampu memberi pandangan baru tentang pengalaman yang dilalui kerana informan juga boleh terdiri daripada kalangan orang biasa dan bukan daripada golongan elit sahaja. Dengan

cara ini, ia dapat membantu meningkatkan harga dan keyakinan diri setiap lapisan masyarakat.

Representasi yang diperlihatkan oleh pelakon lebih menekankan pada aspek vokal, penghayatan, imaginasi, aksi dan ekspresi wajah pelakon. Kenyataan yang dikutip dari tulisan Owen Mac (1993) telah menyatakan bahawa ekspresi wajah bermaksud sebagai demonstrasi emosi yang jelas diperlihatkan melalui mimik wajah. Manakala definisi vokal pula dimaknakan sebagai suara yang dikeluarkan melalui pernafasan yang betul dan getaran kord suara yang akhirnya menghasilkan ton yang spesifik.

Oleh yang demikian, pelakon datangnya dari bakat dalam diri lalu mengolahkannya dalam lakonan untuk menyampaikan sesuatu cerita. Dengan bakat yang ada menyebabkan seseorang itu terus dikenali sebagai artis sehingga boleh digelar sebagai seniman apabila umur mencapai tua. Artis yang telah mencapai usia tua harus diberi penghormatan atas sumbangan beliau supaya sentiasa diingati. Dengan adanya sejarah lisan ia dapat mencungkil kembali jasa para artis veteran. Sejarah lisan di kalangan artis veteran haruslah diperbanyakkan supaya lebih banyak fakta dan maklumat berkaitan seniman yang tanah air pernah melahirkan. Bukan itu sahaja, masalah hilangnya artis veteran juga boleh menyebabkan kurangnya pengetahuan masyarakat kini tentang seniman.

Seniman veteran merupakan penggiat seni yang perlu diteliti bertujuan penambahbaikan bantuan yang bersesuaian dari aspek kebajikan. Menurut artikel Malaysia Kini (2022), seniman veteran, penggiat seni, penghibur tidak patut dilupakan dan kebajikan mereka perlu diambil tahu dari segi keperluan yang bersesuaian kerana ada diantara mereka kini di hujung usia. Bukan sahaja seniman veteran ini ditujukan kepada yang tidak aktif dalam industri filem, namun ada juga seniman veteran yang aktif dalam lakonan tetapi tidak mendapat bayaran yang setimpal akan lakonan beliau.

Suara atas bakat, sering dikenali sebagai bakat VO, ialah orang yang menggunakan bunyi untuk menggambarkan situasi dalam video; dalam hal ini, bunyi lazimnya berbentuk penceritaan atau puisi. Voice over adalah penceritaan yang berbentuk suara manusia yang membaca cerita atau menceritakan yang berkaitan dengan filem itu. Malah, suara lebih kerap digunakan sebagai kesan bunyi latar belakang kepada muzik. Pilihan suara berbanding bakat atau suara orang yang diambil bekerja dalam proses alih suara adalah pertimbangan pertama dalam alih suara. Ia penting kerana ia memberi kesan kepada apa

yang berlaku selepas itu. Pada hakikatnya, voice over menggunakan peranti rakaman bunyi yang sudah serasi dengan tiga komputer, seperti mikrofon komputer itu sendiri. Bunyi yang dirakam kemudiannya disunting oleh suara atau bakat suara selepas proses rakaman, contohnya, untuk menghilangkan bunyi latar belakang atau untuk meningkatkan keuntungan, supaya bunyi sedia untuk digabungkan dengan video.

Proses menterjemah dan alih suara melibatkan menggantikan bahasa asal dan menindih sepenuhnya bahasa baharu pada video. Ia adalah luar biasa untuk mempunyai video yang dialih suara di tempat lain. Kebanyakan filem dikeluarkan dalam bahasa Inggeris, jika sari kata diperlukan, gunakannya semasa pembentangan. Filem asing hampir tidak pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Ukraine di Kesatuan Soviet. Walau bagaimanapun, masa berlalu, politik berkembang, dan teknologi maju. Alih suara Ukraine moden dijalankan oleh studio pakar dengan bantuan penghibur yang berkecayaan dan alat terkemuka.

Menurut Abdul Walid bin Ali dalam artikelnya teater merupakan satu seni persembahan yang melibatkan persembahan langsung antara pelaku dan juga penonton. Teater boleh dianggap sebagai satu seni persembahan yang telah lama wujud dan diminati oleh pelbagai jenis khalayak dengan pelbagai taraf ekonomi dan budaya. Walaupun teater mendapat persaingan terhadap seni filem namun nilai yang ada pada seni persembahan teater menyebabkan seni ini masih mampu bertahan sehingga ke harini



### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini adalah melibatkan temubual bersama artis veteran iaitu Hafidzuddin bin Fazil atau lebih dikenali watak bapa-bapa dalam filem dan drama yang mana juga merupakan salah seorang yang layak digelar seniman veteran tanah air. Temubual ini dilakukan untuk mendalami dan mengetahui tentang perjalanan hidup jatuh bangun seorang seniman veteran serta pengalamannya dalam industri perfileman. Temubual ini akan dijalankan secara atas talian menggunakan platform Google Meet kerana mengambil kira situasi Covid-19 yang melanda serta jarak untuk berjumpa agak jauh. Selepas mendapat persetujuan antara dua pihak, temubual diadakan pada 14 Julai 2022 bersamaan pada hari Khamis pada pukul 2.00 petang sehingga kira-kira pukul 4.00 petang. Temubual dijalankan mengikut masa yang diperuntukkan dan dimulakan dengan pengenalan dan latar belakang tokoh. Soalan seterusnya ditanya mengikut struktur soalan yang terdiri daripada pendidikan, kerjaya, pencapaian, dan sumbangan, dan harapan.

#### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Pendekatan bagi kajian sejarah lisan ini adalah menggunakan temubual secara atas talian di mana menggunakan panggilan video. Kajian ini dijalankan di tempat masing-masing dan hanya bersempang bersama Hafidzuddin Fazil melalui panggilan video. Sesi temubual ini akan direkod melalui rakaman skrin dan audio untuk dijadikan bukti serta menjadi salah satu proses penting yang harus dilakukan dalam kajian sejarah lisan. Tambahan lagi, segala maklumat dan informasi penting akan dicatat ketika sesi temu bual dijalankan.

#### **3.2 PESERTA KAJIAN**

Hafidzuddin Fazil atau pelakon veteran yang sangat terkenal dengan watak Dato, orang kenamaan dan bapak-bapak dalam filem dan drama. Beliau merupakan artis veteran yang sering ke layar kaca oleh kerana bakat yang beliau ada. Hafidzuddin Fazil dipilih dalam kajian ini adalah kerana beliau merupakan antara seniman veteran yang patut disanjung oleh kerana bakat serta pengalaman yang ada dalam diri. Beliau bukan sahaja mempunyai banyak pengalaman dalam bidang lakonan, malah beliau juga sangat berpengalaman dalam bidang suara latar (voice

over). Beliau sangat terkenal dengan watak yang menggunakan suara latar beliau antaranya Bapak Lat dalam Kampung Boy dan Smurf. Beliau antara pelakon veteran yang serba boleh dan mempunyai banyak pengalaman.

Seniman veteran Hafidzuddin Fazil yang kini berumur 63 tahun merupakan anak kelahiran Kuantan, Pahang. Beliau dilahirkan pada tanggal 7 Oktober 1958. Beliau telah memulakan kerjaya sebagai pelakon pada era 1990-an dan terus popular menerusi watak bapak-bapak yang dibawanya. Hafidzuddin Fazil bergiat aktif dalam dunia lakonan bermula pada 1990-an sehingga kini dan telah mendapat banyak tawaran berlakon dalam drama, filem dan sebagainya. . Hafidzuddin Fazil menjadi terkenal oleh kerana lakonan beliau yang sangat mantap dan sesuai dengan karakter yang dibawa. Beliau yang memulakan filem pertamanya iaitu Cinta Kolestrol sebagai bapa kepada Erra Fazira. Oleh kerana lakonanya yang sangat menjiwai watak, beliau banyak ditawarkan berlakon dalam watak bapak-bapak. Beliau bukan sahaja mempunyai bakat dalam lakonan, malah mempunyai bakat dalam bidang suara latar dan banyak menjadi watak utama dalam pengubahan suara latar. Umur bukanlah penghalang bagi Hafidzuddin Fazil untuk terus bergiat aktif dalam industri seni tanah air. Sehingga kini, beliau masih lagi menerima tawaran untuk berlakon dalam filem dan drama.

### **3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Prosedur pengumpulan data adalah cara atau proses memperoleh data untuk membuat kajian. Kaedah pertama yang digunakan di dalam kajian adalah dengan mendapatkan segala maklumat berkaitan seniman atau artis daripada pencarian alam maya. Semua maklumat penting yang ada dari artikel, akhbar, blog dan lain-lain akan dicatat dan direkod untuk kegunaan kajian sejarah lisan. Kaedah kedua yang digunakan adalah dengan menembual seniman veteran iaitu Hafidzuddin Fazil secara atas talian dan segala maklumat akan direkod. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah penting dalam kajian sejarah lisan.

### 3.4 CARTA GANT PROJEK

| Minggu   | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 |
|--|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|
| Aktiviti   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |
| 1. Menerima tugas sejarah lisan dari pensyarah   | ✓ |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |
| 2. Mula membuat perbincangan dan pencarian tentang kajian lisan  |   | ✓ |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |
| 3. Pemilihan pertama memilih Datuk Razak Mohaideen   |   |   | ✓ |   |   |   |   |   |   |    |    |    |
| 4. Mula mencari maklumat dan cuba untuk berhubung dengan tokoh seniman   |   |   |   | ✓ |   |   |   |   |   |    |    |    |
| 5. Pertukaran tokoh lain atas faktor tertentu daripada Datuk Razak Mohaideen kepada Zul Yahya kepada Hafidzuddin Fazil |   |   |   |   | ✓ |   |   |   |   |    |    |    |
| 6. Menyiapkan abstrak untuk mendapatkan kelulusan pensyarah  |   |   |   |   |   | ✓ |   |   |   |    |    |    |
| 7. Mendapat kelulusan pensyarah dan  |   |   |   |   |   |   | ✓ |   |   |    |    |    |

|  |  |  |  |  |  |  |   |   |   |   |  |   |
|--|--|--|--|--|--|--|---|---|---|---|--|---|
| mula berhubung dengan tokoh seniman Hafidzuddin Fazil  |  |  |  |  |  |  |   |   |   |   |  |   |
| 8. Membuat pencarian maklumat berkaitan tokoh seniman.   |  |  |  |  |  |  | ✓ |   |   |   |  |   |
| 9. Berbincang dengan tokoh untuk persetujuan dan mula mengisi form untuk mendapatkan borang kajian   |  |  |  |  |  |  |   | ✓ |   |   |  |   |
| 10. Menyiapkan kertas kerja, soalan serta tugas lain berkaitan kajian dan berbincang berkenaan masalah yang timbul sepanjang proses kajian |  |  |  |  |  |  |   |   | ✓ |   |  |   |
| 11. Mendapatkan persetujuan tarikh temubual bersama Hafidzuddin Fazil  |  |  |  |  |  |  |   |   |   | ✓ |  |   |
| 12. Sesi temubual berjalan   |  |  |  |  |  |  |   |   |   |   |  | ✓ |

#### 4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Berikut merupakan temubual secara lisan mengenai latar belakang dan pengalaman menjadi seorang seniman tanah air. Bersama-sama kami ialah Encik Hafidzuddin Fazil, merupakan pelakon yang giat aktif dalam di televisyen dan filem dari tahun 1997 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada 14 Julai 2022 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2.00 petang secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Razif AlHaj Bin MatDaud dan Muhamad Zaidi Bin Idris. Dengan segalanya hormat temubual ini dimulakan.

Petunjuk

HF : Encik Hafidzuddin Fazil

RA : Razif AlHaj

ZI : Zaidi Idris

#### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

RA : **Bolehkah Encik memperkenalkan nama penuh Encik?**

HF : Nama saya Hafidzuddin Bin Fazil.

RA : **Adakah Encik mempunyai nama panggilan dalam keluarga?**

HF : Ada tapi tak payah la tu.. tak perlu masukkan keluarga lah..ini temubual saya ja kan..tak payah masukkan keluarga laa..kan saya dah bagi -- nak tahu pasai kerjaya saya.

RA : **Berapakah umur Encik pada tahun ini (2022)?**

HF : Tahun ini 64..64..saya lahir 7 hari bulan 10 tahun 58 [7/10/1958].

RA : **Negeri manakah tempat kelahiran Encik dan dibesarkan?**

HF : Saya lahir di Kuantan,Pahang tapi dibesarkan di Johor dan Perak.

### **BAHAGIAN B & C: SEJARAH PENDIDIKAN & PERJALANAN KERJAYA**

ZI : **Kita mulakan dengan sejarah pendidikan.**

HF : Saya mulakan dari sekolah rendah la eh.. Arwah bapa saya seorang polis jadi kami banyak berpindah-randah.. saya sekolah rendah darjah satu(1) di Kulai..kemudian darjah dua(2) hingga darjah lima(5) di Ipoh..darjah enam(6) di Renggam,Johor.. Tingkatan satu(1) hingga tingkatan lima(5) di Kluang,Johor.. Kemudian saya masuk ITM..sebelum tu saya masuk tingkatan enam(6) selama 2 bulan di Sekolah Menengah Inggeris Kluang..bila tawaran masuk ke ITM(Institut Teknologi Mara) saya masuk tahun 76 [1976]..saya mengambil jurusan *MicroBiology* kursus 4 tahun..dan saya *grad* [tamat belajar] tahun 80 [1980]..itu sedikit tentang pendidikan saya lah..dari sekolah rendah sampai ke kolej.

RA : **Dekat ITM encik mengambil jurusan ape?**

HF : *MicroBiology*..Sains Gunaan..

RA : **Maksudnya masa tu ambil diploma atau ijazah?**

HF : Diploma..diploma lanjutan pasal tu empat(4) tahun

ZI : **Waktu tu ITM ada di cawangan ke satu tempat sahaja?**

- HF : Di Shah Alam..masatu ia dipanggil ITM..ITM tubuh 50 berapa dulu..ITM ditubuh bila? Tahun 69..saya pon tak - - tahun 59 [1959] kot..65[1965] gitu la..
- RA : **Jadi encik masuk ITM pada tahun?**
- HF : Tahun 76 [1976]..kampus Shah Alam..masa tu kampus tak banyak pon..saya rasa kampus yang ada masa tu di Jalan Osman,PJ [Petaling Jaya]..di mana lagi eh (berfikir)..itu ja saya tahu.
- RA : **Maksudnya, ketika itu encik mengambil bidang sains gunaannya tetapi sekarang berlakon?**
- HF : Saya bagitahu tentang kerjaya pulak la eh..lepas *grad*(graduasi) tu..saya bekerja di kilang pengeluaran makanan..ia ada kaitan la dengan *microbiology*..saya bekerja selama tujuh(7) tahun.. Di dua buah kilang..kilang pertama dua(2) tahun kilang kedua lima(5) tahun..di kilang kedua tu..kilang pengeluar makanan dan minuman daripada menjadi penolong pengurus pengeluaran *assistant production manager*..saya di (berfikir)..di *transferkan* [dipindahkan] ke bahagian *marketing*..pemasaran.. Selama setahun..saya jadi *assistant manager* mula-mula masuk sebagai pelatih pengurusan..*management training*.. enam(6) bulan training..kemudian di *confirmkan* [disahkan] kerja.. Saya jadi penolong pengurus pengeluaran..selama enam(6) bulan kemudian ditukarkan menjadi *executive* pemasaran di bahagian pemasaran selama setahun..kemudian ditukarkan ke bahagian administration menjadi *executive* perhubungan awam..jadi saya jadi *executive* PR [Public relation] ni selama tiga(3) tahun..waktu itu saya berjumpa dengan ramai orang la- *public relation* perhubungan awam- -jadi saya banyak *dealing* [berurusan] dengan agensi luar dan juga agensi pengiklanan dan sebagainya..jadi di suatu em(berfikir)- *event* [program] saya telah bertemu dengan pengarah akaun sebuah agensi pengiklanan..kami berborak dan berbual dan dia tanya saya awak nak join *advertising* [pengiklanan]..saya kata saya takde pengalaman takde apa..takpelah awak join je lah..dia ajar apa

semua..pasal(tentang) masa tu tak ramai melayu lah yang dalam *advertising*..berdasarkan pengalaman saya dalam PR [*public relation*]..sebab masa saya ditawarkan untuk menjadi pegawai perhubungan awam di syarikat itu..saya mintak boss saya supaya saya belajar..jadi saya ambil kursus di IPRM [*Institute of Public Relation Malaysia*] kursus [suara tidak jelas] selama satu(1) setengah tahun..tapi kursus dia- -kursus malam la.- -Tiga malam seminggu..kelas malam dari pukul 8 hingga 11 (malam)..jadi sambil bekerja saya belajar lah..perhubungan awam..kemudian apabila berjumpa dengan pengarah akaun agensi pengiklanan tu dia tanya nak join *advertising* ke tidak..saya kata bolehlah(senyum)..dia panggil saya *interview* [temuduga]..so *interview* dengan boss dia apa semua dengan pengarah urusan..agensi ni agensi aaa(berfikir)- - antarabangsa pengarah urusan dia mat salleh [orang putih]..bertemu dengan pengarah urusan dia dan saya ditawarkan sebagai pengurus akaun di sebuah agensi pengiklanan..kemudian saya bekerja di situ akaun saya masa tu (berfikir)...akaun apa eh- - lupa dah- -lama dah- -tak apa.- -jadi saya kerja di situ selama dua(2) tahun kemudian berpindah agensi..saya bekerja dalam agensi pengiklanan selama 20 tahun..bertukar-tukar agensi- -kerja dua(2) tahun,lima(5) tahun berhenti cari baru.. Dan semasa di agensi pengiklanan tu lah saya bertemu dengan orang-orang yang aktif dalam pementasan teater..orang seperti Datuk Faridah Merican, Joe Hasham,Kee Thuan Chye.. jadi saya minat berlakon ni daripada sekolah lagi..semasa saya sekolah menengah..saya terlibat dalam persatuan Bahasa Malaysia dan persatuan Bahasa Inggeris..persatuan Bahasa Malaysia yang saya terlibat banyak pementasan,baca sajak dan sebagainya..hingga tingkatan lima(5) saya menjadi presiden persatuan Bahasa Malaysia..jadi pementasan- -beberapa pementasan telah dibuat pada peringkat daerah juga negeri di Sekolah Menengah Inggeris Kluang, Johor tu..jadi bila masuk ITM saya tidak ada terlibat dengan apa-apa aktiviti..cuma tertumpu pada pelajaran lah kononya dan jugak dengan kawan-kawanlah..jadi bila dah keluar tu masa bekerja saya aktif dalam persatuan kilang lah..saya menjadi pengurus persatuan apa ni(berfikir) kebajikan dan sebagainya..saya jadi *emcee* [pengacara majlis] untuk *event*..saya menjadi macam kaunselor kepada pekerja-



pekerja sebab kilang ni banyak pekerja yang dipanggil apa (berfikir) *general workers* pekerja am ni banyak..yang *handle* botol air apa semua kan..jadi dorang ramai..jadi bila ada masalah dorang akan jumpa saya lah..saya akan tolong selesaikan masalah dorang.- - bila saya join agensi pengiklanan saya dapat berjumpa dengan orang-orang penggiat-penggiat teater dan apa ni(berfikir) minat pada bidang lakonan ni timbul balik..jadi saya join dorang dan saya mula berlakon dalam teater lah..teater inggeris bersama Datuk Faridah Merican,Kee Thuan Chye aa dengan sapa lagi(berfikir) lupa dah..ada la saya buat selama..daripada tahun 90 [1990] sampai tahun 98 [1998] saya terlibat dalam lima(5) pementasan..ada satu(1) pementasan dibuat sehingga ke Singapura,kami dijemput untuk apa ni(berfikir) mementaskan teater tersebut di Singapore Performance Art Festival tahun 94 [1994] kot..tajuk pementasan tu "*We Could Kill You Mr. Birch*"..jadi itu dipentaskan disini dan juga di Singapura selama dua(2) hari..kemudian dalam pada tahun 96 [1996] saya mula berjinak-jinak dalam *voice over* , pasai dalam agensi pengiklanan saya- -kita buat iklan jadi perlukan suara-suara apa ni(berfikir)..Suara-suara *announcer* dia lah..macam iklan tu kan..jadi kita tengok dorang buat saya mula minat,saya mula berlatih sendiri,jadi saya pergi kacau penerbit dekat agensi saya tu,saya kata, bang nak pakai *voice over* panggil saya la bang(senyum),saya pon boleh buat,alah kacau la kau ni..saya pun buat tak(tidak) kesah lah tapi saya buat la jugak,saya *practice* [berlatih] sendiri dekat rumah apa semua..suatu hari tahun 95[1995] atau 95[1996] tak silap saya masa tu di pejabat dia telefon saya di pejabat,dia kata "Hafiz kau datang studio sekarang aku nak pakai VO(*voice over*)" saya kata apahal pulak,"VO (*voice over*) yang kita panggil tu tak datang, kau boleh buat kau datang la" saya pun pergi saya buat la..lepastu mula la buat..saya tak banyak la buat dua(2) tiga(3) dalam sebulan, satu(1) ke dua(2) bila dipanggil lah,jadi itu- - saya pon mula meletakkan nama dalam list *voice over*..kemudian dalam tahun 98 [1998] cerita tarzan saya dipanggil untuk audition cerita tarzan..*the animation* tarzan tu dan saya terpilih untuk menyuarakan watak Clinton..kemudian tahun 98 [1998] saya dipanggil untuk ujibakat di astro untuk Lat Kampung Boy dan berjaya mendapat watak bapak lah..kalau korang tengok dekat Lat Kampung

Boy tu,sampai sekarang dia di tayang lagi haha(ketawa..suara bapak tu suara saya..sampai sekarang di tayang lagi,kalau tengok astro ceria ada la tu Lat Kampung Boy di Malaysia..kemudian aaa(berfikir) selepas alih suara untuk Lat Kampung Boy saya dipanggil untuk,masa tu astro baru lagi jadi banyak kartun-kartun yang dorang bawak masuk,dorang terpaksa alih bahasa,bahasa melayu untuk astro ria..kartun la, *magazine* program, dokumentari dan sebagainya..jadi meluaskan membuat VO[voice over] di astro pada masa tu,dipanggil saya buat, untuk kartun la, *magazine* dan sebagainya..saya ingat suatu hari saya diberi aaa(berfikir) diberi kepercayaan menjadi pengarah dubbing..orang yang mengarah dubbing tu kata “okay aku nak tengok kau mengarah dubbing ni,kalau kau boleh buat astro boleh ambil kau jadi *freelance director*”..jadi daya pon cuba buat..buat..buat dapat lah..dia kata “ okaylah boleh lah jadi *freelancer* dubbing director”..bila saya buat dubbing tu jadi director,skrip yang saya dapat kelam kabut,skrip tu tak kena cerita tu pasal apa yang saya tengok penerjemah skrip tu dia main terjemah skrip sahaja,dia tak tengok video,dia tak tengok cerita tu,jadi dia ikut tu ja la,intonasi semua lari,perkataan apa semua lari..jadi saya pon cadangkan pada astro,biar saya *translate* terjemah sendiri-sendiri yang saya buat..lepastu masa tu Saodah ada di astro,Saodah ni dia dulu wartawan di Utusan Malaysia tak silap saya..kemudian bekerja di astro,dia menjaga translation semua la, jadi saya kata Kak Odah saya nak translate..”okay awak translate satu(1) episod bagi kita tengok”.. Kemudian saya translate satu(1) episod,saya translate berdasarkan video,saya takda translate saja..jadi perkataan yang macam Lat melukiskan,orang tembak “*fire*” subtitle dia api salah la kan..sepatutnya *fire* tembak la, benda macam tu la kalau tak tengok aaa(berfikir) visual dia kita akan *translate* literal lah..so saya buat satu(1) dua(2) episod dia tengok dia kata “okay lah awak tak payah hantar lah,kau *translate* aja lah” maknanya *translator* [terjemahan]saya okay lah..ohh senang la(teruja)..jadi bila kita sendiri *translate*,lepastu kita dialek dan saya juga menjadi salah satu(1) suara dalam siri-siri yang saya buat jadi senang kerja kita sebagai pengarah..kita tahu lah macam mana cerita tu pasal kita dah tengok video berulang kali..cerita tu berulang kali,jadi saya buat *freelance dubbing director* ni

selama lima(5) tahun daripada tahun 98 [1998] tu daripada kampung boy tu sampai ke 2003..aaaa(berfikir)..saya masa tu masih bekerja tahun 98 [1998] tu masih bekerja..tahun 2000 projek mula banyak jadi penat siang bekerja,malam berkejar ke astro untuk buat dubbing apa semua sampai pukul 12 tengah malam dan 1 pagi lepastu esok kerja balik,rasa penatlah..jadi saya tanya orang astro,banyak tak projek,dia kata “banyak bang” koordinator tu kata banyak bang, masa ni dorang tengah nak banyakkkan program untuk- -masa tu untuk astro ria..jadi saya pon jumpa boss dekat agensi saya,saya kata saya nak berhenti,saya nak *concentrate* production lah, dia kata “berhenti lah”..saya pon berhenti kerja..saya berhenti kerja,projek memang banyak kadang saya jalankan tiga(3) *time code* skali,siang saya tengok video,saya ambil *time code* apa semua,saya translate, tiga(3) atau empat(4) malam seminggu saya akan ke astro untuk buat *recording*..saya ada group *dubbers* saya sendiri lah yang saya percaya yang boleh apa aaa[berfikir] yang boleh menyuarakan kartun-kartun untuk saya lah..masa tu di astro ada tujuh(7) atau enam(6) *freelance dubbing director*,jadi ada *speciality* [kepakaran] masing-masing la,macam saya kartun,program kartun banyak saya buat, seorang lagi dia buat *magazine* program,seorang lagi dia buat dokumentari so senang kerja antara *dubbers* yang saya gunakan dulu aa[berfikir] arwah Din Beramboi,kalau ingat Din Beramboi?(bertanya),saya guna dia,dia memang *class* [hebat], kemudian Sam (kurang jelas) , mungkin tak kenal,kemudian aaa(berfikir), yang ini yang ada nama nama la Sharizan Borhan penyanyi Jazz,jadi ni antara mereka yang saya guna pakai untuk menyuarakan kartun-kartun saya..jadi dari 98 [1998] sampai 2003 saya *concentrate* dekat *dubbing* saja lah,banyak *dubbing*, kemudian astro mula menghantar program ni ke luar,ke *production house* yang buat dubbing untuk *cut cost*,jadi mula lah kita orang tak banyak kerja dan pada masa tu saya dapat tawaran untuk berlakon dalam filem Cinta Kolestrol.

RA : **Cinta Kolestrol filem pertama?**

HF : Bukan-bukan[menggeleng] filem pertama saya,filem pertama saya kalau ikutkan aaa[berfikir] *Entrapment..Sean Connery*..itu filem pertama saya tapi watak saya kecil ja lah..diorang *shoot* dekat KLCC tahun berapa?(bertanya) 98[1998] ke 99 [1999] saya lupa dah.itu filem pertama saya..kemudian saya dapat tawaran untuk cinta kolestrol,saya berlakon dalam cinta kolestrol selepas cerita tu ditayangkan – mungkin lah saya rasa banyak penerbit yang nampak saya berlakon di layar perak ni dan penerbit production nampak ui sapa ni- -sebab saya pegang watak datuk,bapak kepada Erra,jadi- -aura Erra dapat la kepada saya..kemudian lepastu alhamdulillah daripada 2004 banyak tawaran berlakon..jadi saya dah tinggalkan *dubbing* pasal dah tak banyak kerja tapi masa tu saya masih buat lagi VO(voice over) untuk iklan..*recording house* akan panggil untuk iklan..tapi tak banyak la sebulan dalam dua(2) tiga(3) sahaja..jadi saya *concentrate* berlakon lah pada masa tu..Alhamdulillah..sampai setakat ni berlakon..berlakon..berlakon..

ZI : **Kiranya bermula dengan theatre dulu la sebagai permulaan karier selepas masuk kerja?**

HF : Ye saya mula dengan teater.

ZI : **Semasa encik menjadi pelakon adakah encik masih ada panggilan untuk theatre lagi?**

HF : Ada.. Ada. Last teater saya buat adalah “Baik Punya Cilok” - -Dua (2) tahun lepas kot [mungkin] -- yang dipentaskan di Istana Budaya. Dan itu last[terakhir] teater. Sekarang saya dah taknak buat teater dah - - pasal teater ni teruk-- teater ni juga untuk kepuasan diri. Teater ni terutama teater Inggeris- - bayarannya ciput[sedikit]. Tapi pasal [tentang], kita punya *passion* [keinginan] dan masa tu saya kerja, - - duit tak kisah sangat lah..saya ceburkan diri juga - - saya buat lah.. Pasal *passion* [keinginan] dan minat yang mendalam - - tapi theatre adalah ( sambil berfikir) *platform* [lalu] yang paling bagus untuk setiap pelakon. Kalau pelakon itu bermula dari theatre, boleh jamin ( pergerakan tangan) yang lakonan dia mantap [terbaik] - (Razif mencelah )Haa [ye].. Pasal theater ni - - dia - - okay.. Kalau berlakon - - theater saya yang mula-mula pada tahun [suara tidak jelas] *training* [latihan] sahaja - - *rehearsal training* [latihan] selama tiga (3) bulan. Sebulan tu [suara tidak jelas]. Hampir setiap malam latihan - - latihan theater, latihan pergerakan, latihan melontar suara dan sebagainya itu sebulan. Jadi melatih kita untuk - - apa orang kata - - mendalami arena theater ni. Macam theater ni dia tak boleh *cut* [berhenti], macam filem, macam drama kalau salah kita boleh *cut* [berhenti] buat lagi sekali. Kalau theater tiada *cut - cut* [berhenti]. Kalau salah, salah. Jadi bulan pertama tu, memang latihan untuk diri sendiri, latihan pergerakan, latihan lontar suara dan sebagainya. Bulan kedua baru masuk baca skrip.. Tengok skrip. Kemudian baru [suara tidak jelas] dan sebagainya. Dan theater satu *platform* [cabang] terbaik untuk pelakon - - melatih kita untuk melontar suara, intonasi dan sebagainya.

ZI : **Jadi encik bermula dengan teater, pada tahun bilakah encik bergerak ke dalam layar perak? Tahun yang encik berlakon untuk filem pertama?**

HF : Filem pertama tu lah - - tak silap saya tahun berapa ye ( merenung ke atas sambil berfikir) 1998 - - tak silap saya lah.. Dan lupa dah lama dah. Drama yang pertama yang saya lakonkan - - drama tv - - saya pun dah lupa tajuk dia - - tak silap saya pada tahun 1994 atau 1995 macam tu lah. Tapi tu watak-watak kecil sahaja - - sebab saya minat - - saya kenal - - apa tu - - *advertising* [pengiklanan] ni, kita akan terlibat dengan orang yang membuat penggambaran.. Untuk penggambaran itu sebagainya. Dan kita berjumpa dengan orang-orang yang dalam drama .. kita berkawan.. Bertukar idea yang sebagainya dan diorang [mereka] tanya nak berlakon ke? Boleh .. macam tu lah.. So [ Jadi], boleh lah. Jadi berlakon sikit- sikit. Tak banyak masa tu. Yang banyak tahun 96 [1996] saya.. Saya ujbakat untuk drama City of The Rich antara drama Bahasa Inggeris pertama di Malaysia , 168 Episod tak silap saya - - tahun 96 @97 [ 1996 atau 1997] . Kemudian Idaman, Idaman yang kedua , ketiga saya takde [ tiada] .. Idaman yang pertama saya ada tapi dia melalut sampai idaman 2 , Idaman 3 - - itu pun entah berapa puluh episod. Lepastu saya bekerja, jadi kurang sikit - - tapi dok belakon sikit -sikit lah. Yang betul-betul menceburkan diri tahun 2004 selepas Cinta Kolestrol .

RA : **Masa tu berpegang dengan agensi atau freelance sendiri-sendiri?**

HF : Oo sendiri-sendiri sebab saya - - banyak - - ramai yang berlakon ni dia bermula daripada *extra* [tambahan] . Saya tak bermula daripada *extra* [tambahan]. Masuk-masuk saya terus dapat watak - - Jadi pasal background saya theater - - kalau tengok (berfikir) ramai pelakon dia akan mulakan daripada extra ataupun pelakon pembantu terus dan naik - naik- naik. Lama .. makan masa. Saya kerana pelibatan saya dalam teater dan kenal-kenal orang yang terlibat sama - - bila masuk tv ni dah ada watak.

RA : **Jadi yang mendorong encik untuk menjadi seorang pelakon ni ketika menceburi bidang advertising ?**

HF : *Ye advertising.*

- ZI : **Jadi encik pon dah mula berlakon,mungkin ada idola dalam bidang lakonan kan. Siapa idola yang encik mengidolakan dalam bidang lakonan?**
- HF : Idola? Idola.. Kalau *local* [tempatan] .. aaaa (berfikir) .. Susah nak cakap tu - - Mungkin Dato Rahim Razali . .orang lama la .. Kalau barat (suara kurang jelas) yang tua-tua lah. ( Razif mencelah “ Kita pon tak berapa *familiar* [kenal] orang lama betul tu “) ( sambil gelak) .
- RA : **Lagi satu, bila selepas filem Cinta Kolestrol tu ada banyak lagi cerita lain yang dilakonkan kan?**
- HF : Kalau filem, banyak..Cinta Kolestrol diterbitkan oleh MetroWealth, jadi selepas tu saya banyak berlakon filem dari MetroWealth, walaupun watak-watak kecil macam dua tiga *scene* [babak] mereka akan panggil saya. Filem kedua terbesar adalah “Jangan Pandang Belakang”. (Razif mencelah” Bukan Jangan Pandang Belakang Congkak kan?”) Haa?(bertanya) ye bukan Jangan Pandang Belakang Congkak. - - yang memula tu - - kalau ikutkan saya dah berlakon hampir 20 filem,17 dengan MetroWealth, yang lain watak kecil-kecil lah macam Lady Boss - - apa lagi lah - - yang ada Apek [Saiful Apek] (Razif mencelah “ Kitorang ada juga *contact* Saiful Apek tapi macam dia busy sangat tu “) Ye dia memang - memang - memang busy - - Saya sempat berlakon dengan dia dulu dan lama baru ni ( sambil berfikir) bulan .. Tahun lepas saya berlakon dengan dia . . sebuah telemovie.
- RA : **Bila ditayangkan? Apa tajuk telemovie tu?**
- HF : aaaa( sambil berfikir) Angin Barat - - apa lupa dah - - ( tengok atas sambil fikir) Angin Barat ke Timur ke- - belum tayang lagi kot ( Razif mencelah “oo belum ditayangkan lagi “) Tahun lepas ke tahun ni ( HF keliru) - - saya pun dah lupa.
- ZI : **Jadi Faktor utama Encik memilih kerjaya sebagai pelakon atas minat lah?**

- HF : Ye sebab minat lah.
- ZI : **Jadi sewaktu filem pertama encik sebagai Dato Osman dalam Cinta Kolestrol, ada tak apa-apa cabaran yang cik lalui?**
- HF : (gelak) pasal - - dia banyak mencabarnya watak-watak tu sendiri yang watak mencabar - - Bila watak- watak ayah, watak bapak ni nak cabar apa sangat. Jadi takde [tiada] cabaran apa lah.
- ZI : **Dalam banyak encik berlakon, dari mula sampai sekarang, apa watak yang paling encik gemar ,seronok untuk lakonkan watak tu.**
- HF : Watak ayah je lah [suara tidak jelas] Kebanyakan drama saya . . watak - watak yang saya dapat adalah watak Dato , watak orang Kaya .. Kalau watak-watak orang kampung , orang miskin ni saya rasa tak sampai 10 . . mungkin kurang lagi.
- RA : **Encik ada berlakon dalam Hikayat Merong Mahawangsa betul? Apakah watak yang encik pegang pada waktu itu?**
- HF : Watak tu watak . . Watak Raja Phra Ong Mahawangsa. *The last* [ Yang terakhir] Mahawangsa masuk [ suara tidak jelas] - - dia jadi Sultan Muzaffar Shah kalau tak silap saya. Tapi watak dalam Hikayat Merong Mahawangsa , hanya muncul di awal, ditengah, dan di akhir. Kalau awak tengok Merong Mahawangsa .. yang pasu bunga atas kepala tu . . Haa itu lah saya. Awal tengah dan akhir.
- ZI : **Seperti yang kita tahu, Hikayat Merong Mahawangsa menggunakan bahasa-bahasa dulu, Bahasa Melayu - - interrupt**



- HF : (mencelah) Saya takde [tiada] dialog. ( Zaidi mencelah “ oo kiranya memang tiada dialog”) Takde dialog pasal saya berlakon sorang [ seorang] je. Saya menjadi macam pencerita, walaupun VO (*voice over*) [suara latar] itu bukan suara saya , tapi tu konon nya suara saya - - saya menceritakan pasal Merong Mahawangsa ni - - pasal karekter dia.
- RA ; **Apakah itu watak yang paling senang?**
- HF : Dia sebenarnya watak takde [tiada] dialog ni lagi susah, cuma Merong Mahawangsa tu takde ekspresi sangat . .
- ZI ; **Hikayat Merong Mahawangsa dilakonan dimana ye - pengembaran itu dijalankan?  
Memang di Terengganu la dari awal sampai habis?**
- HF : Di Terengganu. (Zaidi mencelah “ memang dari awal sampai habis di terengganu dari awal sehingga habis”?) Banyak di Terengganu lah .. saya sehari je - - shoot saya sehari je - - saya nak buat watak tu pun pasal sebenarnya watak itu untuk Arwah Kuswadinata. Tapi malangnya, Kuswadinata masa tu sibuk dengan Festival Filem Malaysia di Sabah. Jadi diorang tak dapat nak ambil dia , diorang [mereka] telepon saya - - saya pula masa tu dua hari . . ( berfikir) dua hari lepas shoot tu, saya ada shoot di Johor . Jadi diorang kata “ takpe , abang datang kita fly ke Terengganu, lepastu kita fly abang ke Johor “ Saya kata okay lah . Diorang [mereka] *call* [memanggil] dalam jam 11 Pagi , petang tu *confirm* [setuju] , malam tu *fly* [terbang] ke Terengganu .. Tidur disana satu malam . . pagi tu diorang [ mereka] ambil pergi ke Step di Setiu . . shoot daripada pagi sampai la lebih kurang pukul 6 petang untuk 3 *scene* [adekan] kemudian dia menghantar saya ke *airport* [lapangan terbang] saya gerak terus ke JB[ Johor Bharu] untuk shoot saya di JB.
- RA : **Macam setiap kali penggambaran, Bagaimana encik mempersiapkan diri sebelum melakonan satu watak?**

- HF : Saya tengok skrip dulu lah . . Saya tengok skrip , dan saya bertanya pada pengarah..  
Nak macam mana watak ni , nak jadi bapa yang macam mana, sebab selalu watak  
bapa kan - - bapa yang macam mana. Jadi saya tengok karekter anak saya macam  
mana - - saya tengok skrip apa dialog - dialog dia . Tu je lah.
- ZI : **Bila selesai berlakon?**
- HF : Selesai belakon habis lah.. Habis lah. Dia . . Kita tak boleh terbawak-bawak watak  
tu ke dalam alam nyata tau . . Kita berlakon di depan kamera, lepas kamera habis  
*cut* [tamat] kita balik , kita tak boleh bawak watak tu sampai kerumah .Gila Kalau  
buat macam tu ( sambil gelak ).
- RA : **Tadi encik ada cerita berkenaan Festival Filem di Sabah, tak silap saya, encik  
juga ada belakon cerita Duyong ketika di sabah?**
- HF : Ye filem Duyong Di Sabah. 3 minggu kami di Sabah, saya di semporna. ( Razif  
mencelah “ saya orang sabah”) Dimana kau ( Razif menjawab “ saya di KK lah”)  
Oo KK [Kota Kinabalu) .
- RA : **Masa tu filem Duyong paling meletop masa kami kecil-kecil dulu . Apa  
perasaan encik menjadi salah seorang pelakon dalam filem tersebut?**
- HF : Sabah panas ( sambil gelak). Tepi laut panas. (sambung gelak).
- RA : **Masa penggambaran, diberikan tempat tinggal di atas air atau dimana?**
- HF : Kami duduk di Semporna tu di Tanpi-Tanpi . Tanpi - Tanpi ada resort , mereka  
sewa resort itu untuk pelakon dan juga krew.
- ZI : **Jadi setiap kali penggambaran akan bergerak ke rumah atas air?**
- HF : Ye..Dia ada jadual, *call time* , jadi kita tahu lah watak kita pukul brapa kena ada  
dekat set, hari apa, semua dah ada dekat jadual.

RA : **Jadi untuk 3 minggu tu untuk filem tu sahaja?**

HF : Ye memang duduk kat sana lah walaupun bukan shooting hari-hari. . nak balik macam mana. (sambil gelak).

RA : **Sepanjang melakonkan watak filem Duyong di Semporna , Adakah pengalaman yang paling mencabar dan tidak dapat dilupakan?**

HF : Bagi saya tiada lah.. Eh ( teringat sesuatu) ada .. Pulau yang kami buat tu - - untuk watak Apek tu , pulau tu dia hanyut. Haa pulau tu dibuat.. Suatu hari saya ke set saya tengok Razak Mohaideen termenung - - “apa sudah jadi? Tak boleh shoot bang , pulau dah hanyut.”. Pulau tu dah sampai ke seberang sana. Kena guna bot untuk tarik balik. Itu lah yang paling menggelikan hati (sambil tergelak).

RA : **Jadi, masa *shoot* tu bukan di Semporna?**

HF : Bukan. Di Tanpi-Tanpi tepi laut tu , pulau yang diguna kan untuk *shoot* itu dibuat. [tidak jelas] tapi, pulau tu hanyut, diorang [ mereka] tidak ikat betul-betul ke apa hanya Tuhan yang tahu. Hanyut lebih kurang 2 kilometer ke apa. . Jadi diorang [ mereka] kena tarik pakai dua atau tiga bot macam tu lah. .dan satu lagi, barang-barang perfileman dicuri iaitu kamera . . pasal diorang [mereka] menyimpan barang di jeti , di jeti tu ada .. macam pondok lah untuk simpan dalam tu,kunci apa semua . Satu hari barang hilang. Tapi barang yang hilang tu adalah barang yang sangat penting. Yang orang luar takkan tahu . Hanya orang industri tahu betapa pentingnya barang tersebut. Tapi barang tu yang hilang .. Kami syak , Saya syak kerja sama ada orang dalam , atau pun yang ada *connection* [ kaitan] dengan ini semua lah. Dah buat *report* [laporan] apa semua , macam di sabotaj la. (Razif mencelah). Jadi KRU dari KL [Kuala Lumpur] kena datang bawak benda tu - - dua hari juga kita *shooting* tanpa benda tu . Benda ini dipanggil *fluid head* [alatan

kamera] - - yang boleh kamera - - yang boleh pusing-pusing tu. Kalau takde tu, kamera tak boleh pusing-pusing .

**ZI : Sewaktu penggambaran tu, mesti ada penggunaan bot kan, adakah bot tu disewa untuk dari orang kampung atau persendirian ke?**

HF : Barang-barang banyak disewa lah.. Tapi saya tak tahu *detail* [terperinci] sebab saya tak terlibat dengan pengurusan *production*.

**ZI : Dalam ni pun encik ada pernah belakon dalam filem Santau. Apakah watak yang encik bawa dalam filem Santau?**

HF : Santau, saya jadi Pak Imam. Haa tu lah salah satu watak yang sering diberikan kepada saya lah. Jangan Pandang Belakang, jadi Pak Imam. Santau pun jadi Pak Imam. Tok Kadi pun ada (sambil fikir) haa lupadah cerita apa.

**ZI : Maca kita tahu, kalau belakon cerita seram ni , ada tak *moment-moment* [ detik-detik] yang diganggu . *Moment-moment* [ detik-detik] yang tak boleh lupa.?**

HF : Saya tak pernah diganggu.. Alhamdulillah - - tapi dengar-dengar cerita , diorang pernah cerita ada lah - - sesiapa yang rasa akan cerita lah - - nampak itu, nampak ini .

**ZI : Penggambaran Santau dilakukan dimana ye?**

HF : Santau.. (pejam mata sambil fikir) di Hulu Langat. Di sebuah surau di Batu 17 di Hulu Langat.

**RA : Pernah tak encik ketika shooting, satu scene kena pergi ke negeri ni, dan scene lain kena ke negeri lain?**

- HF : Takde.. Selalu bila pergi dia akan *shoot* banyak *scene* - - rugi la satu *scene*, satu *scene*. (Zaidi mencelah “Jadi ada lah yang *scene* di negeri ni, berpindah negeri”) - - (tengok kiri dan kanan sambil berfikir) lupa dah tajuk dia . . *Shoot* di Hulu Langat dan ada juga *shoot* di Terengganu. (suara tidak jelas)
- ZI : **Pernah tak *shooting* diluar negara?**
- HF : Luar negara pernah. Untuk drama 5 tahun 5 Minit - - *shoot* di Paris - - dan satu lagi tajuk Enigma arahan Prof Razak di Australia.
- ZI : **Kalau kita kesana, semua kos ditanggung la ye?**
- HF : Ye - - Kalau sendiri mau pergi memang tak lah .
- RA : **Ada satu lagi, filem yang encik lakon kan bawah RTM TV1, Apa watak yang encik bawak. ?**
- Hf : Bawak watak Papa Audrey - - *shoot* di Sabah (Razif mencelah “oo di Sabah juga”) ye di KK [Kota Kinabalu] Pasal *production* tu - *production* Sabah - - Dia panggil saya - - saya *shoot* 2 ,3 hari disana pada tahun 2019 - - Tiga pelakon dari semenanjung saya, sape lelaki tu.. dan Norish Karman. (Gelak)

- RA : **Sepanjang berlakon, siapakah rakan artis yang paling encik selesa untuk berlakon/paling rapat?**
- HF : aaa(berfikir) yang muda atau tua? (bertanya)..
- ZI : **Tak kisah yang muda boleh,yang tua pun boleh**
- HF : Susah nak cakap tapi yang tua-tua ni- - siapa-siapa yang tua ni memang ngam[rapat]- - senang ngam(rapat),Zaidi Omar,Rahim Omar- - pasal diorang[mereka] dah lama,kita pon dah lama- -serasi kenal- - pelakon muda-muda ni lambat sikit..dia kena ada apa orang kata(berfikir)- - salam pengenalan dulu..kadang kita tak kenal pon dia(pelakon muda)- - macam baru ni- - Syurga Noah di TV9 hari raya kedua 11 haribulan[11/7/2022]..itu di(berfikir)..penggambaran dia bulan enam(6)..awal bulan enam(6) di Kedah..pelakon dia Redza Rosli..lepastu siapa lagi lah(berfikir)..lupa dah nama pelakon-pelakon ni..lupa nama - - itu pasal saya tak pernah berlakon dia ada masa sikit untuk serasi..
- ZI : **Jadi sebelum penggambaran duduk berjumpa dan bersembang dahulu dengan pelakon-pelakon lain?**
- HF : Aaah[setuju]..pasal masa penggambaran takda(tiada) masa- -sebelum penggambaran duduk takda [tiada] masa..semua masa penggambaran..masa penggambaran tu yang kita akan tahu sama ada ok ke tidak..kena *rehearse* (berlatih) dialog..bila *rehearse* [berlatih] *movement* [pergerakan]..kita dapat baca la."oo okay dia ni boleh".. "dia ni degil,dia ni"- - kita tahulah- -
- RA : **Yang encik ada post dekat IG (instagram) Syurga Noah 11 julai baru-baru ni?**
- HF : Aah [setuju]..baru ni je..ditayang 11 haribulan [11/7/2022] haritu..tv9

- ZI : **Dekat Kedah?dekat mana eh penggambaran tu?**
- HF : Dekat aa(berfikir)..Merbok.. ( Razif mencelah memberitahu Zaidi merupakan orang Kedah) Oo Orang kedah, Kedah tang mana? (bertanya kepada Zaidi). ( Zaidi mencelah “Sungai Petani”) Sungai Petani tang mana? ( Zaidi menjawab “ Sungai Petani di Taman Ria.. dulu waktu Diploma dekat Merbok”..Saya Sungai Petani juga..(Razif bertanya Sungai Petani di mana?)..Saya Bakar Arang..Dulu ayah beli rumah disitu- - dia pencen- - pasal (kerana) arwah ayah dengan mak diorang(mereka) Kedah.jadi ayah bila- -dia pencen dekat Alor Setar..so(jadi) masa sebelum pencen dia(ayah) beli rumah dekat Sungai Petani dan duduk Sungai Petani..tapi balik bila raya ja lah..Okay apa lagi?(bertanya)
- RA : **Bagaimanakah encik menjaga hubungan bersama rakan artis dan masyarakat luar?**
- HF : Kita jangan sombong lah..tu je lah..jangan sombong lah haha[ketawa]..orang tegur kita tegur balik..
- RA : **Jadi encik ada cakap tentang alih suara,pada mulanya encik dubbing watak tarzan kan?**
- HF : Aah[setuju]..bukan watak tarzan..watak Clinton dalam cerita tarzan
- RA : **Apakah movie/karakter yang encik dubbing selepas watak tarzan?**
- HF : Movie ada beberapa movie yang saya bagi suara..Aaa[berfikir]..How To Train Your Dragon,saya suarakan Stoick..Smurf saya suarakan Papa Smurf..lepastu apa lagi eh[berfikir]..Despicable me,saya suarakan wrestler(watak) yang kecil[kecil] tu wrestler[watak]..El apa nama dia[berfikir] lupa dah..
- RA : **Despicable me tu macam mana kita nak dubbing?**

HF : Skrip ada..diorang [production] bagi skrip..mana boleh buat sendiri-sendiri..(razif bertanya bukan minions eh?)..bukan,bukan,bukan..saya suarakan yang wrestler(watak) tu wrestler(watak)..haa[kagum] wrestler..eduardo(kurang jelas) ke apa nama dia entah(mungkin)..saya juga- - masa eeerr[berfikir]..95[1995] tak silap saya..tv3 dia- - masa bulan puasa dia banyak tayangkan filem-filem arab yang dialih suarakan..saya banyak suarakan filem-filem arab tu..Tv3 panggil saya untuk menyuarakan- - bukan satu(1) bukan dua(2) tapi banyak..dia(tv3) siri arab ada,filem arab ada, dan paling aa[berfikir]..paling terkesan bagi saya ialah saya suarakan filem Omar Mokhtar..Lion of the Dessert..ini cerita lama lah..Omar Mokhtar..menceritakan tentang Omar Mokhtar ni yang dilakonkan oleh Anthony Quinn..kalau google[cari] ada la tu..dan saya suarakan Anthony Quinn..saya pinjamkan suara saya kepada Anthony Quinn..itu yang paling berkesan bagi saya..(razif mencelah bertanya filem itu pada tahun 1980?)..aah(setuju)..tapi kita orang(mereka) buat tahun 95[1995] tak silap saya [berfikir]- - dialih suarakan- - suara saya digunakan untuk Anthony quinn..itu yang- - wahh hebat aku [teruja sambil tersenyum]..riak la keja masa tu haha (ketawa)

RA : **Tak silap saya waktu encik memegang watak papa smurf tu pada tahun 2014 betul?**

HF : Aaah[betul]

RA : **Bagaimana sesi pemilihan alih suara itu dilakukan?**

HF : errr[berfikir]..diorang[production smurf] panggil untuk ujibakat..(Razif mencelah bertanya uji bakat dulu?)- - Aah(setuju) ujibakat dulu- - Macam,macam Lat kampung boy juga lah, saya dipanggil,buat ujibakat..yang me..(berfikir)- - yang memutuskan suara- - yang approve [menerima] suara Dato Lat sendiri..dia [Dato Lat] akan dengar balik- - ok dia[Dato Lat] kata okay- -boleh untuk apa-apa watak..baru jalan [boleh teruskan]..Dato Lat sendiri yang



approve(menerima)..yang cerita tarzan tu eeerr[berfikir]..pengedar filem tu - - orang-orang dia yang ada dalam panel pemilihan..`

RA : **Bilakah exact/waktu yang encik menceburi bidang alih suara animasi?**

HF : Animasi tarzan tu la mulanya tahun 97 [1997] kot (mungkin)..lupa dah bila..lama dah..(razif mencelah..belum lahir lagi)- - haha[ketawa]..( razif mencelah..kitaorang lahir tahun 2000)..Oo(kagum) millennial la ni..

ZI : **Encik lebih minat alih suara atau berlakon?**

HF : Dua-dua saya minat.

ZI : **Andai diberi peluang untuk ada lagi filem atau kartun untuk dialih suara,adakah encik masih menerima?**

HF : Mana yang datang dulu la..macam sekarang dah tak[tidak] kerja ke apa kan- - so [jadi] apa yang datang- - kalau kita suka..kita ambik [ambil]

RA : **Kiranya average/rating harga voice over dan berlakon lain la kan?**

- HF : Ooo(menggeleng) lain,lain..dia voice over untuk iklan..dikira *per second* [setiap saat]..saat-- satu(1) saat- - Bukan satu(1) saat suara- -dikira berapa saat iklan itu..kalau iklan tu katalah 30 saat..dan suara kita hanya digunakan untuk tiga(3) perkataan katalah 'aku sudah kaya'..dan itu saja yang kita sebut..aku sudah kaya mungkin dua(2) saat [contoh]..tapi kita dibayar untuk 30 saat..(Razif mencelah bertanya minimum memang 30 saat?)..Bukan-bukan(menggeleng)..iklan ada banyak duration(durasi)..ada yang 10 saat,ada yang 20,ada 30,ada dua(2),ada seminit minit..jadi kita voice over ni dibayar mengikut duration(durasi) iklan tu..jadi sekarang ni je kalau ikut voice over punya rate(kadar) 15 ringgit satu saat [RM15 per saat]..jadi untuk komersial yang 30 saat..bayarannya 450 [RM450]..walaupun kita sebut 'aku nak kaya' itu ja..pon sama harga dengan orang yang mencecey [bercakap] panjang..
- ZI : **Contoh iklan sudah pernah disiarkan,mungkin tahun akan datang disiarkan lagi, adakah bayaran tu dapat lagi atau sekali sahaja?**
- HF : Tak[ tidak] dapat dah..dia bergantung kepada kontrak yang di sign [tandatangan]..kalau mengikut kontrak tu penggunaan untuk hanya setahun,setahun ja boleh guna..kalau digunakan untuk tahun kedua- - kalau dalam kontrak ada clause [perjanjian] tu..ia akan dibayar lah- - ataupun kalau iklan tu digunakan di luar negara..kita [suara iklan] akan dibayar extra [lebih]..ada- - ada rate[kadar],rate[kadar] dia la,mengikut voice guild [persatuan alih suara]
- RA : **Kiranya syarikat sendiri yang tetapkan atau kita sendiri yang tetapkan?**

HF            Dak,dak [tidak]..voice guild..voice guild..kalau awak tahu V.O.I.C.E. G.U.I.L.D [mengeja]..Voice guild ni macam persatuan..persatuan untuk *voice over*..dia(voice guild) yang tetapkan..(razif mencelah bertanya kiranya encik menjadi pengarah voice over tu kan? Pengarah dubbing?)..bukan (geleng)..dubbing lain..lain..itu antara saya dengan astro..yang voice guild (batuk) suara iklan..tapi itu juga tentukan untuk dubbing dan sebagainya..tapi sekarang dah tak [tidak] boleh pakai[guna] dah..patutnya persatuan ini menjaga kebajikan ahli-ahli..tertubuhnya voice guild ini ialah untuk menjaga kebajikan ahli-ahli voice over yang berdaftar..dan neraka sepatutnya- - pasal[kerana] nak buat apa ni(berfikir)- - sapa[siapa] yang nak buat voice over iklan kena[perlu] jadi ahli voice guild..macam sekarang lah pelakon kena jadi ahli seniman..jadi voice guild ini ditubuhkan untuk menyatukan voice over..jadi siapa yang nak buat voice over untuk iklan radio ke iklan tv,mesti menjadi ahli voice guild..station [stesen tv] tak [tidak] boleh ambil orang yang bukan ahli..tapi sekarang dah berterabur dah..itu saya pun dah keluar dah voice guild..Tak [tidak] puas hati la kan..(Zaidi mencelah bertanya kiranya yang tidak masuk voice guild pon ada yang buat iklan)..haa(setuju)..saya salah seorang daripada ahli mula-mula..nombor saya 0024 [Nombor ahli voice guild]..ahli ke-24..

RA            **Kiranya macam sekarang voice guild tu dah tak relevan la buat masa ni?**

HF            :    Ada lagi(angguk)..cuma tak relevan..pasal [kerana] sekarang stesen radio,stesen tv,diorang[mereka] buat iklan,diorang[mereka] gunakan diorang[mereka] yang bukan ahli voice guild..jadi macam mana nak kira tu..sepatutnya ahli voice guild yang buat- - tapi DJ,DJ diorang[mereka] yang buat yang bukan ahli voice guild (razif mencelah “yang tidak berdaftar?”)..Aah(setuju)..yang tidak berdaftar lah kiranya..matlamat voice guild tu tak[tidak] capai..

RA            :    **Saya balik ke alih suara,ada tak watak yang paling mencabar?**

- HF : Watak yang mencabar?(bertanya)..untuk saya takda[tiada]..yang pertama bila(berfikir)..dubbers[pengalih suara] lambat..lepastu kita tak dapat suara yang kita nak..pernah satu kali,saya buat satu kartun ni,ada satu watak,saya dah audition[ujibakat] dekat 10 orang untuk dapatkan suara yang saya nak untuk watak kartun tu..watak tu ‘raja semut’..jadi bila saya audition[ujibakat],audition[ujibakat] tak dapat,tak kena[sesuai]..kebetulan pulak masuk arwah Din Beramboi ke dalam studio.. Saya cakap “Din kau masuk buat watak ni Din”..dia pon masuk,buka mulut ja..Pap(terkejut) kena dah- -”ok kau raja semut”..dapat dah- -nasib,nasib baik la tu..
- RA : **Kiranya suara asal kartun animasi tu kampung boy english?**
- HF : Aah(setuju)..asalnya english..dia bermula dengan english
- ZI : **Kiranya kalau english orang lain la kan[suara orang lain]?**
- HF : (angguk) orang lain..kalau tengok bibir- -gerakan mulut- -kalau tengok english- - pergerakan mulut dia sync[selari] dengan suara..sebab animation[kartun] dibuat selepas *recording* suara..jadi pelukis animasi akan melukisikut aaa(berfikir)- - ikut pergerakan bahasa Inggeris..jadi kalau tengok yang bahasa inggeris punya lipsync(pergerakan mulut) memang cantik..pasal dia buat untuk english..bila ditukar ke bahasa melayu pulak mungkin ada lari [beza] sikit la..kalau tengok betul-betul ada lari[beza] sikit pasal pergerakan bibir bahasa inggeris,cakap bahasa melayu..lain sikit lah (Razif mencelah “mungkin kita orang tak perasan sebab masih budak-budak lagi kot”)..hahaha(ketawa)
- ZI : **Voice guild untuk mengumpul artis voice over, kalau artis dalam bidang lakonan ni dia ada macam agensi/group?**

- HF : Ada seniman- -persatuan- -seniman ialah persatuan untuk pelakon-pelakon..agensi-agensi adalah industri yang supply pelakon tambahan kepada production-production..itu dipanggil agensi..macam nak pakai orang kampung 10 orang katakan..diaorang[agensi] akan panggil “aku nak 10 orang untuk watak- - untuk *scene* ni”..kalau ada mesyuarat ke apa ka..”aku nak lima(5) orang untuk jadi ahli lembaga pengarah”..agensi ni akan bagi la watak-watak *extra*[tambahan]..
- ZI : **Kiranya untuk nak masuk agensi kena daftar untuk jadi pelakon tambahan?**
- HF : bukan,bukan(geleng)..bukan daftar..dia(berfikir)- - dia kena macam masuk *group* la..kalau dia nak gerak sendiri, orang tak kenal..jadi dia kena ada- - selalunya agensi untuk *extra-extra* ni,dibuat oleh *extra*[pelakon tambahan] jugak.. *extra*[pelakon tambahan] yang dah lama berlakon..dia pun dah dapat watak-watak..jadi dia kumpulkan *extra-extra* ni,kawan dia ke apa semua, untuk menjadi *extra*[pelakon tambahan] yang tak berdialog ke,yang berdialog sikit-sikit ke,yang jadi lalu lalang ka,jadi pak pacar[pelakon tambahan] ke,ini semua kawan dia semua la..jadi berdaftar dengan dia..dia ada nombor [telefon] apa semua..jadi bila ada *production manager* telefon “hey aku nak pakai *extra*[pelakon tambahan] 10 orang untuk *scene* kampung”..jadi dia akan call lah orang-orang dia..diorang akan ada *group- - whatsapp group* .. dia akan sebar dalam *group* tu..ok *scene* orang kampung sapa berminat..siapa berminat *reply* dekat dia laa..dia akan bagitahu datang lokasi pukul berapa,pakaian macam mana..(razif mencelah “kiranya kami pon boleh join la kan encik?”)..haa(angguk) boleh..boleh(senyum)..tapi kena cari orang yang ada [kurang jelas]..(zaidi mencelah bertanya “ jadi untuk pelakon tambahan yang nak jadi pelakon dia kena daftar dulu ke macam mana?”)..pelakon kena berlakon dulu lah..dia ada pengurus- -pengurus artis..macam *Metrowealth*[production] dulu dia ada pengurusan artis..dia ada artis-artis dia..dia akan urus kan artis ni..lepastu aa syarikat-syarikat seperti [suara kurang jelas]..dia menguruskan artis..dia akan dapatkan *job* untuk artis..tapi dia akan tolak lah..kalau dapat dia akan tolak

10%@20%@30% [10 peratus atau 20 peratus atau 30 peratus] sebagai *fee*[komisen]..

RA : **Selain daripada alih suara,lakonan dan teater, apakah bakat encik selain daripada itu?**

HF : Bakat saya?(bertanya)..haha(ketawa)..saya tak berbakat(ketawa)..nak kata bakat tak bakat juga la,saya suka join kawan-kawan main muzik..(razif mencelah “oo encik ada *post*[menghantar] main gitar tu kan dekat IG[instagram]..mknanya masa lapang encik main gitar la?”)..tak jugak dah malas dah,main game je(ketawa)..tak ada lah..tengok video,tengok movie lah..saya setiap malam saya akan tengok satu(1) movie..movie apa-apa lah,tamil ke,korea ke,mat salleh ke..[suara kurang jelas]

ZI : **Pernah tak encik rasa macam berminat nak berlakon movie atau cerita yang international/luar pada Malaysia?**

HF : Uih(teruja) siapa tak teringin tapi peluang takde[tiada] ah..(Zaidi mencelah “macam tak silap saya encik Rahim Omar pernah menjadi pelakon tambahan cerita Don”)..itu saya tak tahu..Don yang Shah Rukh Khan tu eh?(bertanya)..itu saya rasa beberapa orang pelakon Malaysia pasal dia berlakon dekat sini..penggambaran dekat sini.

ZI : **kalau macam cerita yang luar yang berlakon dekat Malaysia, dia akan berjumpa dengan persatuan-persatuan ini(seniman) ka?**

HF : Saya tak tahu prosedur tu..saya tak tahu prosedur dia..

RA : **Selain dari bakat yang ada,saya dapati dekat internet encik juga aktif dalam penulisan.boleh encik ceritakan sedikit?**

HF : Menulis ni dah lama dah..masa di sekolah dulu..saya tulis sajak- -sajak bahasa inggeris..masa di ITM[Institut Teknologi Mara] saya tulis sajak bahasa inggeris..saya bukan nak mengagung-agungkan bahasa inggeris, tapi saya dari darjah satu(1) saya sekolah inggeris..english dah jadi *second language*..(zaidi mencelah “betulah zaman bapak saya dulu pon lebih kepada bahasa inggeris)..aah(setuju)..dan saya- - macam mana pun saya akan berpikir dalam bahasa inggeris,sampai sekarang,berpikir dalam bahasa inggeris bila bercakap tu saya kena hati-hati sikit,kena *translate* ke melayu..saya lebih senang mengekspresikan diri saya dalam bahasa inggeris,kalau saya marah,saya marah bahasa inggeris..(Zaidi dan razif mencelah “betul-betul abah ni”) aa(setuju)(ketawa)..pasal saya daripada darjah satu(1) bahasa inggeris sampai ke ITM,ITM pon bahasa inggeris

#### **BAHAGIAN D: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN SEPANJANG MENJADI SENIMAN**

RA : **Okay, kita teruskan harapan. Banyak dah kita bersembang tentang Encik ZI punya kerjaya dalam berlakon, alih suara. Kita nak tahu lah sikit apakah pencapaian yang tertinggi dan sumbangan sepanjang terlibat dalam industri?**

HF : Takde pencapaian (menggeleng).. Saya tak pernah menang *award*, tak pernah didominasi untuk *award*.

ZI : **Tapi.. Tapi bagi diri encik sendiri apa pencapaian yang tertinggi?**

HF : ... Bagi diri sendiri? Nak capai apa saya tak pernah terfikir untuk capai apa-apa.

RA : **Tak pernah terfikir?**

HF : Kalau saya berlakon pasal minat. Tak pernah saya nak fikirkan oh (kagum) dapat watak nilah, pasal saya takkan dapat. Watak yang saya akan dapat watak bapa, watak dato, watak tan sri (Razif mencelah "Watak tok imam")..(batuk) Jadi takde fikir untuk pencapaian apa-apa sebab watak - - watak-watak yang mencabar takde tak pernah saya dapat

RA : **Kalau nak jadi *stuntman* boleh ke encik?**

HF : Tak boleh (senyum). Kalau jadi *stuntman* mati saya (gelak).

RA : **Okay selepas banyak-banyak filem yang encik pernah lakonkan kan, apakah filem - - apakah antara filem yang menjadi kegemaran encik sepanjang berlakon? Yang masih ingatlah sampai sekarang?**



HF : ... Yang masih ingat sampai sekarang? Cinta Kolestrol je lah. (Razif bertanya dengan soalan, memang itu yang memberi impak kepada encik?) Bukan impak apalah pasal - - *the novelty of the movie* - - pasal Erra digemukkan. Itu je. - -(Razif mencelah, dia bukan betul-betul gemukkan?) - - Lepastu ada satu lagi filem.. Ada satu lagi filem, belum ditayangkan. Akan ditayangkan bulan depan. Tajuk filem tu *Air Force*. - - Selagi Bernyawa. Saya menjadi panglima tentera udara... (Razif mencelah dengan respon, nak kena tengok ni.) (Zaidi mencelah, memang kena tengok) Haa kena tengok (angguk). Tak kalaupun saya takde, kena tengok filem tu memang best. Dia macam adik-beradik *Top Gun* sikit lah. (Zaidi memberi pernyataan, *Top Gun* dah habis sekarang *Top Gun* Malaysia pula.) Ini mendapat - - mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak tentera udara. (Razif menyoal dengan soalan, untuk menggunakan set tu?) Ha (angguk) dia gunakan semua - - aset-aset tentera udara dapat digunakan. Walaupun watak saya sebagai panglima tentera udara, saya tak ke medan perang lah saya duduk di bilik - - *control room* yang diorang nak selamatkan apa semua tu... Itu patut tayang pada tahun 2020, tapi covid punya pasal - - tahun ni baru boleh tayang. (Zaidi bertanya, Kiranya dah - - penggambaran tu dah lama dah lah?) ... Penggambaran dibuat pada tahun 2019. (Zaidi mencelah, Oh sebelum covid lagi) 2019. Patut dibuat premier pada 2020 tapi covid - - tak jadi. Ditangguh-tangguh, tahun ni akan ditayangkan bulan Ogos - - 25 Ogos... Kalau tengok dekat IG [Instagram], *Air Force the Movie*, diorang ada letak disitu. Saya punya IG saya belum upload lagi. (Zaidi memberi respon, Ada, trailer pun dah banyak dah.) Saya dengan pakaian panglima tentera udara apa semua, hensem (ketawa). Panglima tu. Pegawai tertinggi tentera udara.

RA : **Kira macam, yang Air Force tu dilakonkan di pengkalan tentera negeri mana? (Zaidi mencelah dengan soalan, Memang di dalam pengkalan tentera lah?)**

HF : Pangkalan udara Subang... Dia banyak tempat lah dia buat. Tapi untuk bahagian saya ni di Subang. Diorang shoot di Sabah, di Terengganu, di Pahang kalau tak silap saya.

- RA : **Macam ni lah yang saya maksudkan tadi, kena pergi negeri ke negeri untuk shoot benda tu?**
- HF : Ha (angguk).
- ZI : **Kiranya kalau skrip yang - - kiranya dia bagi skrip tu memang mengikut - - kan macam cik menjadi sebagai panglima, so arahan yang diberi tu memang mengikut - sebiji-sebiji dalam tentera?**
- HF : Ha kenalah (angguk) - - pasal kita lakonkan watak yang *real*. Memang ada panglima tentera udara, memang ada tentera udara. Jadi kita kena buat sebetul-betulnya tentera udara - - Malaysia (batuk) - - pasal *uniform* yang kita pakai semua memang *full uniform*.
- RA : **Masa skrip tu, bila kita dialogkan apa yang ada dalam skrip tu kita boleh tambah ataupun kurangkan atau mesti ikut *exact* (tepat) skrip?**
- HF : Dia mengikut pengarah. Ada pengarah yang hendak ikut sebiji-sebiji dalam skrip. Ada pengarah yang tak berapa kisah janji kandungan dialog tu sampai. Ada pengarah yang nak sebii-sebiji.
- RA : **Macam biasa pelakon-pelakon macam komedi macam Zizan dengan yang lain tu kebanyakannya ada spontan atau ikut skrip?**
- HF : Ha (angguk) itu saya tak nak sentuh. Itu memang menyakitkan jiwa. Saya berlakon dengan Apek dulu, Allahuakhbar! (geleng kepala)(sambil ketawa). Kalau tiga *take*, tiga-tiga lain dialog. *Take one* lain dialog, *take two* lain dialog, *take three* lain dialog. Ha dia ikut sedap dia masa tu. Tapi benda menjadi lah. Ha (angguk), benda menjadi lah. Ambil yang mana pun takpe. Tapi kita yang berlakon ni juga 'eh eh, aku kena tukar dialog pula'. Kita jadi kelam kabut.
- RA : **Jadi tempiasnya dekat kita untuk tukar dialog balik lah?**

- HF : Ha (angguk). Kalau pelakon komedi dengan pelakon komedi macam kata lah, Jep Sepahtu dengan Angah, diorang dua-dua pelakon komedi. Kalau dia tak ikut dialog, dua-dua tak ikut dialog. Ini cakap, ini balas, ikut dialah.. Ha ikut apa dia cakap, dia saling apa orang kata, membalas.. Macam kita bukan pelakon komedi, dia bercakap komedi, kita nak cakap apa? Kita cakap (ketawa) ikut dialog kita lah.. Selalu last -last kepala otak kau lah. Ikut suka je (ketawa).
- RA : **Encik ada tak masuk sebagai cameo masa Sepahtu Reunion ke encik yang hadir sendiri ke set tu?**
- HF : Apa dia?
- RA : **Macam saya tengok IG Story encik ada masuk ke set penggambaran Sepahtu Reunion?**
- HF : Oh, itu Warung Sepahtu. Warung Sepahtu ni dia tak silap saya, dia ada tema untuk setiap - - setiap siri dia ada tema.. Jadi tema masa saya masuk tu ialah *voice over*, alih suara. Jadi saya dan Datin Marlia Musa dijemput untuk bercerita tentang buat *voice over* (alih suara) ni lah (batuk).
- RA : **Kira sebagai bermonolog lah?**
- HF : (Zaidi mencelah, Bukan, dia macam menceritakan tentang *voice over*. Dia bersembang dalam tu) - -Ha (angguk) sebagai tetamu jemputan. Warung Sepahtu dah tayang belum saya tak tahu.
- ZI : **Macam Sepahtu Reunion tu diantara boleh dikatakan macam teater lah?**
- HF : Ha, boleh lah (angguk).. Dia atas *stage*(pentas) tu boleh kira teater lah.
- ZI : **Kalau macam tu dia, skrip dia pun boleh tambah?**

HF : Wallahualam, saya tak tahu (geleng kepala). Saya tak tahu cara diorang macam mana. Saya tak tahu. Mungkin ada skrip, mungkin takde[tiada] skrip.. Kalau pelawak-pelawak ni bahaya sikit, dia kadang takde[tiada] skrip.. Dia bagi situasi ja, diorang boleh *create* [buat]. Dia boleh buat sendiri dialog diorang.. Kita bagi situasi ja.

ZI : **Nak tanya lah, macam waktu zaman covid tu masih ada penggambaran yang berjalan ke memang diorang stop terus?**

HF : Takde..Untuk saya takde. Takde job [pekerjaan] langsung.

ZI : **Setahun lebih lah?**

HF : Lebih kurang setahun lebih lah.

ZI : **Kiranya kalau macam yang ada tu diorang kena jaga SOP [*Standard Operating Procedure*] lah?**

HF : Kena jaga-jaga lah.. Kalau kena *complaint* [aduan] mampuih lah- -Kena saman lah- - Ikut SOP kena, pakai mask kena, apa semua kena kan, itu diorang kena jaga lah.

#### **BAHAGIAN D: HARAPAN [1:26:20]**

RA : **Okay ada lagi? Kita teruskan dengan harapan boleh encik?**

HF : Boleh (angguk).

ZI : **Nak tahu apa harapan encik untuk seniman dalam industri yang ada pada masa kini?**

HF : Oh harapan saya oh banyak! (teruja). Harapan saya semoga penerbit-penerbit di Malaysia ni membuat drama-drama yang - - yang tak bertemakan cinta sangatlah. Sekarang ni banyak drama tv bercinta, cinta, cinta, cinta, [*menyampah*] saya (angguk). Buatlah drama masyarakat, yang tak bertemakan cinta sikit. Nak ada cinta boleh, tapi jangan jadikan cinta tu sebagai utama. Bercinta dengan ni laki orang lah apalah. Sumpah saya cakap saya tak tengok drama-drama di tv, nak-nak bila tajuk dia pelik-pelik. Suamiku laki oranglah, Mr apa Mr Sotong lah apa benda saya tak tengok (geleng kepala). - - (Zaidi mencelah bertanya, Jadi bukan kami saja lah yang?) - - Ha (angguk). Saya rasa orang putih kata *insulted*[dihina].. Lagi satu pelakon-pelakon baru *especially*, pelakon-pelakon baru ni belajarlah - - belajar.. Cari pengalaman daripada yang tua, bertanya banyak. Ini sombong, ada pelakon sombong.. Ha (angguk). Saya tak kesah lah kau nak sombong-sombong lah tapi bila kau salah kau effect aku juga. Faham tak? Ha (angguk).. Satu lagi *call time*. Pelakon-pelakon muda ni yang baru-baru ni dia tak hormat call time. Tahu apa *call time* (bertanya)? - - (Zaidi bertanya apa tu?) - - *Call time* ni ialah okay awak besok datang pukul lapan (8). Dia ada pelakon A, B, C, D, E ni *call time* dia pukul berapa..Kalau *call time* pukul lapan [8], datanglah sebelum pukul lapan (8)..Kalau awak tengok pelakon-pelakon veteran, dia akan datang 15 minit atau 10 minit sebelum *call time* dia..Kalau *call time* dia pukul lapan (8),pukul 7:45 dah sampai..Pelakon-pelakon baru ni, yang muda-muda ni, yang acah-acah hebat ni, pukul lapan (8) *call time*, pukul 10 baru sampai itupun kalau nasib baik. Kadang pukul 12 sampai, tak ke kurang ajar tu?(bertanya)- - Itu saya cukup marah. Saya memang *sound direct*. Saya kalau lambat saya sound (bersuara) direct (terus)..Saya tak kesah kau nama, kau IG ada satu (1) juta follower [pengikut] ke apa ke, saya akan *sound direct*..Sebab itu libatkan semua orang. Kalau kita dalam industri ni, bukan kita seorang..Kalau kita kerja pejabat, kita buat apa pun kita seorang.. Tapi dalam industri ni, kita akan libatkan semua orang. Daripada pembancuh air sampai ke pengarah..Krew-krew apa semua akan terlibat.. Tak boleh buat kerja langsung pasal seorang..Ha (angguk) itu yang saya marah.. Lagi satu diorang tak buat homework[latihan], tak baca skrip..Bila sampai set, baru nak baca skrip. Lepastu

salah, lepastu buat gedik-gedik..Adoi (geleng kepala) nak kena terajang dengan aku (ketawa).. Itu ja harapan saya..Supaya penerbit ni buka mata sikit janganlah kata, “Oh penonton nakkan filem, drama-drama tema cinta”.. Bukan penonton yang hendak, dah diorang hidangkan..Penonton kita nak tengok sesuatu,jadi bila dihidangkan benda tu diorang tengok.. Bila dia tengok dia suka, dia kata penonton suka cerita cinta.. Kita buat cerita cinta, Suri Rumahku, Encik Sotong Suamiku, Misi Biniku, Cikgu tu Cikgu aku. Macam-macam lah contoh dia.. Kita letak tajuk mengarut. Entahlah.

- RA : **Macam mana penerbit boleh tidak sedar dengan benda-benda macam ni?**
- HF : Dia bukan tak sedar, *they are cashing in on the cash out*. Faham dah? (bertanya) -  
- Pasal dia kata, "Oh".. Stesen pun pula, sekarang ni stesen dictate [arah], stesen  
bagitau siapa dia nak berlakon.. Sebab bila kalau *production manager* telefon  
saya, tanya free ke tidak sekian tarikh, saya kata okay free.. Okay bang saya akan  
submit[hantar] nama abang ke stesen dulu.. Stesen akan *approve* [lulus].. Direktor  
dah takde hak nak tentukan siapa berlakon.. Kadang-kadang stesen akan cakap,  
okay drama ni heroin mesti A hero mesti B. Kalau A tak *available*[tersedia],  
tunggu sampai dia *available*.. Tak ke kepala otak tu.. Itulah yang berlaku sekarang.
- RA : **Kira *marketing* juga lah ni - - dia nak naikkan *rating* ikut atas *marketing*?**
- HF : Tak, tak dengar.
- ZI : **Untuk dia nak naikkan *rating* stesen tv tu?**
- HF : Nak naik *rating* kau menyusahkan orang buat apa? (bertanya)- - Orang lain akan  
terjejas pasal nak tunggu A ni.. Dia *postpone shoot* pasal A tak *available*.. Jadi B,  
C, D, E, F, G, ni nak tunggu apa? Diorang takde *job*. Menjejaskan *career key* orang  
lain.. Dan pengarah takde hak, pengarah kadang tengok skrip, "Oh ini - - ini boleh  
- - watak ini aku rasa ni boleh buat ni watak ni".. Tapi bila pergi stesen, stesen kata  
aku nak F.. Walaupun F tu bermasalah, *it's not my problem* Kau pandai-pandailah.  
Pasal aku nak F dia kata. Semua stesen macam tu sekarang.. Hawau betul.
- ZI : **Dia macam untuk sebelum buat satu cerita tu, dia mungkin, dia dah ada  
*estimate* bila akan ditayangkan ke macam mana?**
- HF : Ya, dia akan bagitahu.

- ZI : **Tapi contoh kalau macam ada yang kena postpone tu maksudnya tayangan tu akan di *postpone postpone* jugalah?**
- HF : Ha (angguk) *postpone* [tunda] tu akan di *postpone* [tunda] lah.. Pasal tu stesen yang *decide*.. Stesen yang tentukan Itu je lah harapan saya.
- ZI : **Macam kita tahu, nak kata baru tak jugalah yang isu berkaitan pelakon veteran di bayar murah. Apa pandangan encik?**
- HF : ... Hahaha (gelak). Itu saya tak nak komen lah pasal - - pasal itu memang berlaku. Saya pernah ditawarkan ciput.. Tak payah cakap siapa apa benda lah. Tapi bila kena bagitau bajet saya sekian dia kata, dalam hati, “Aih banyak ni je dia nak bagi aku, takkan kau tak kenal aku”.. Bukan kita nak sombong.. Tapi takkan kau tak kenal aku siapa? (bertanya) - - Aku dah berlakon berapa lama.. Takkan kau tak tahu harga aku? (bertanya) - - Pasal dia lebih kurang - - pasal *rate* dia lebih kurang, *rate* dia lebih kurang.. Jadi kita rasa sampai - - nak cakap *direct* tak sampai hati.. Pasal yang krew tu pun, kira kawan juga. Jadi kita pun cakap, eh tak boleh buat lah.. *Date clash*.. Ha (angguk) sampai macam tu sekali.. Kita tak sampai hati nak kata, apa lah kau ni bagi *offer low* sangat tak... Saya terpaksa berbohong.. Tapi dalam hati, “apa benda lah diorang” - - kita dalam hati - - hati kecil ni berkata hawau betul lah. Banyak tu je? (bertanya) - - Haa hahaha jahat (gelak).
- RA : **Kira bukan - - bukan encik seorang lah yang mengalami benda ni kan. Banyak lagi pelakon veteran yang lain kan?**
- HF : Ha (angguk) banyak lagi.. Jalil Hamid lah yang menyuarakan tu.. Kan (bertanya)? (Zaidi menjawab, betul) Yang isu dia dibayar berapa banyak sikit je sebagai watak utama.. Uish gila (geleng kepala). - - (Razif mencelah, watak utama tapi ciput).. - - Ha (angguk bersetuju)
- ZI : **Dia macam - - kalau macam bayaran tu dibayar bila kita habis penggambaran ke macam mana?**



HF : Dia tertakluk pada kontrak.. Ada dia bagi apa - - err (berfikir) - - 40, 40, 20 - - 25, 25, bergantung pada inilah - - pada persetujuan.. Ada yang habis berlakon dia bayar terus. Macam kadang-kadang dia panggil kita untuk sehari ja. Macam saya lah katakan, “Bang boleh datang sehari ja bang ada tiga [3] *team*.. Kita bagi X ringgit. Habis berlakon kita bayar..” Okay, kita pun pergi berlakon-berlakon petang habis dia terus bayar.. *Fine* lah macam tu. Ada yang kadang (gelak) tak bayar - - pun ada juga. Yang bayar lambat ada juga.. Itu macam lah.. - - (Zaidi mencelah bertanya, kiranya macam, macam yang *movie* yang ditayangkan di panggung-panggung tu, pelakon tu dia dibayar macam lepas habis ditayangkan *movie* lah?) - - Tak tak tak tak tak, habis penggambaran dia bayar, dia bukan bergantung kepada tayangan.. Dia bukan bergantung pada tayangan.. - - (Razif mencelah, takde bonus lah maksudnya) - - Begitu juga dengan tv, drama-drama tv, dia tak bergantung pada tayangan.. Dia habis *shooting*, mungkin 30 hari habis *shooting* dia bagi *last payment*.. Ada juga *production house* yang letakkan syarat bila ditayangkan baru dapat last 10 *percent* [10%] Ha (angguk) ada juga tapi bukan semualah - - dan bukan bayaran-bayaran yang banyak.. Mungkin 10 peratus [10%], lima peratus [5%] yang akhir.. Sebelum tu dah dibayar lah.. Tapi selalunya habis *shooting* dalam masa 30 hingga 60 hari, habis bayar. Dia tidak bergantung pada tarikh tayangan.

RA : **Ni yang encik ceritakan tadi pasal pelakon baru dan pelakon muda tu, macam mana cabaran encik selaku pelakon veteran dalam industri seni untuk kekal berlakon dan bersaing dengan pelakon baru?**

HF : (Zaidi mencelah, still (masih) kena bersaing?) - - Tak bersaing pelakon baru. - - (Zaidi mencelah, bersaing dengan atau?) - - Kita tak bersaing dengan pelakon baru. Ha? (bertanya) (Zaidi mencelah, atau bersaing dengan pelakon-pelakon veteran yang lain?) Dia bukan saingan pelakon lama pelakon baru takde.. [Nada tinggi] - - Pasal pelakon lama pelakon baru watak lain lain.. Tidak perlu bersaing.. - - (Razif mencelah, faham-faham) - - Dia cabaran dia ialah bagaimana nak membuat pelakon-pelakon baru ni, menghormati pelakon-pelakon tua ni, pelakon-pelakon veteran ni. - - (Razif mencelah, lagi satu.. ) - - Dia kena ada rasa hormat, dia kena rasa - - bukan kita nak dia hormat kita, sebagai orang tua dia patut hormat kami sebagai orang tua.

RA : **Apakah kesan yang dihadapi oleh industri hiburan sepanjang pandemik?**

HF : ... (ketawa) Kesan dia orang takde *job* (pekerjaan) lah.. Itulah saja.. Orang takde *job* (pekerjaan).. Persatuan banyak membantu terutama krew-krew yang terjejas lah masa pandemik.. 2021 kan? (bertanya) Tahun lepas ramai yang tak boleh buat kerja.. Macam saya, alhamdulillah (bersyukur) ada duit EPF (*Employees' Provident Fund*) boleh bergantung pada duit EPF.. Boleh lah toreh-toreh sikit.. Tapi yang macam krew-krew ni dia - - lebih pada ada *job* (pekerjaan) ada gaji, takde *job* (pekerjaan) takde gaji.. Walaupun kita yang pelakon ni pun ada *job* (pekerjaan) ada gaji takde *job* (pekerjaan) takde gaji, bayaran tu lain-lain lah.. Dan macam saya dulu bekerja ada duit EPF yang menjadi simpanan, boleh lah kita toreh sikit-sikit. Ada anak-anak yang membantu.. Itu jelah. Tapi persatuan-persatuan seniman, profima dan sebagainya banyak membantu - - krew-krew yang terjejas teruk masa pandemik baru ni.. Banyak diorang buat, seniman buat pengagihan bahan makanan dan sebagainya - - masa pandemik.

ZI : **Macam dari segi pandangan encik lah, untuk pelakon muda ni adakah diorang boleh pergi jauh lagi atau macam mana untuk pelakon-pelakon yang baru ni? Atau diorang perlu belajar lagi?**

- HF : ... Pembelajaran adalah satu proses berterusan, dia tidak berhenti bila umur kita 20 ke 25 ke 40 [tahun], proses belajar takkan berhenti. Saya masih belajar. Sebab tu saya setiap selang semalam saya akan tengok satu [1] *movie*.. Sebab saya masih belajar. Saya belajar teknik berlakon, saya tengok teknik pencahayaan, saya tengok teknik kamera, saya tengok.. Macam saya kalau saya tengok filem, saya tengok sebagai satu [1] orang biasa - - orang biasa lah yang tengok *movie* dan saya juga tengok sebagai orang yang dalam industri..Jadi saya akan ada perspektif yang berbeza.. Sebagai orang biasa tengok dan sebagai orang industri tengok.. Sebagai orang biasa tengok, sedap tak cerita tu, bagus tak lakonan dia, itu saya tengok.. Tapi sebagai orang dalam industri saya akan tengok *continuity* (kesinambungan), saya kan tengok pencahayaan, saya akan tengok tengah dialog.. - - (Razif mencelah, *angle* (sisi), apa semua, sinematografi semua - - Ha itu (angguk) perbezaannya lah.
- ZI : **Saya nak tanya lah, encik dah berlakon lama, ada terfikir untuk menjadi seorang pengarah ke penerbit ke?**

- HF : Tak boleh - - (Zaidi bertanya, tak boleh?) - - Saya tak layak jadi pengarah.. Bukan senang nak jadi pengarah dik oi [nada yang beralun]- -Kena belajar- - Yang jadi pengarah pun kadang kita tegur. Dia bukan senang, nak jadi pelakon pun bukan senang.. Nak jadi apa pun bukan senang.- - (Razif dan Zaidi mencelah, betul) - - Sebab tu saya kata proses pembelajaran ni takkan berhenti.. Dia berterusan sampai kita mati.. Sampai abang jamil mampus. - - (Zaidi mencelah, itu betul) - - Hahahaha itu dia (ketawa).. Saya pernah terfikir untuk jadi pengarah, tapi bila saya tengok pengarah mengarah saya terfikir balik, “Aku boleh je” ..(bertanya pada diri sendiri) Pasal dia bukan sahaja mengarah, dia - - seorang pengarah tu bukan sahaja dia mengarah pelakon, dia juga mengarah *angle* [sisi] kamera, dia juga mengarah pencahayaan, dengan kerjasama *cameraman* [jurukamera] lah.. Tapi you [kamu] kena tahu itu semua.. *Angle* [sisi] dan sebagainya lah.. Jadi saya tengok - - bila saya berangan menjadi pengarah, saya tengok pengarah buat kerja saya kata, “Aku boleh ke?” (bertanya pada diri sendiri) Tak boleh (geleng kepala), pasal tak cukup ilmu.. Kalau nak jadi pengarah boleh, siapa-siapa boleh jadi pengarah.. Tapi pengarah yang berkaliber boleh, susah.. Pengarah yang orang takkan kata, “Eleh, ini aku pun boleh buat”.. Tak nak. Kita nak jadi pengarah yang, kita nak pengarah yang kita tengok je, “Fulamak” (kagum) ini memang sentuhan dia.. Kita tahu kita tengok, “Wah, ini A yang *direct* (mengarah) ni”.. Pasal setiap pengarah, ada dia punya sentuhan dia sendiri.
- RA : **Mengikut pandangan encik sendiri, dekat Malaysia ni adakah yang berkaliber?**

- HF : (Zaidi mencelah soalan, yang paling encik rasa dia sangat-sangat terbaik pengarah ni?) - - Oh, saya tak mahu sentuh. Saya tak mahu sentuh. - - (Razif mencelah, betul juga) - - Saya tak mahu sentuh tu. Ada - - ada pengarah yang memang - - apa orang kata - - kalau dia mengarah semua cantik. Tapi tak payah saya sebut siapa dan apa lah. - - (Razif mencelah dan menyoal, memang adalah dekat Malaysia ni?) - - Ha, ada, ada, ada, ada (angguk kepala).. Pengarah sampah pun ada.. Dia tahu duduk dekat set, assistant director (penolong pengarah) yang buat kerja.. Dia boleh main game.. Ada saya pernah tengok.. Apa *director* [pengarah] macam ni ni.. Dia duduk sibuk main *game*.. *Assistant director* [penolong pengarah] *action* [aksi] lepastu *assistant* [penolong] dah tunggu dia *cut* [potong], dia tak *cut*[potong] lagi.. Dia duduk sibuk main *game*. Itu pun ada juga - - (Razif mencelah, betul sampah tu) (Zaidi mencelah, kiranya encik pernah lalui dari yang baik sampai ke yang buruk lah) - - (batuk) Ya, pengarah ni dia bukan sahaja masa penggambaran, dia masa editing [menyunting] pun dia kena ada. Nak *edit* [sunting] kan, sentuhan dia kena ada... (Razif memberi respon, kadang dia yang *edit* [sunting] sendiri).
- RA : **Lagi satu, sebagai seorang alumni UiTM, ITM, apakah pesanan dan nasihat encik kepada mahasiswa UiTM yang sedang melanjutkan pengajian?**
- HF : Nasihat saya belajar. - - (Razif mencelah, belajar) - - Belajar, belajar, cari pengalaman, belajar, belajar sampai habis. Sampai grad [graduasi].. Pasal itu lah peluang kamu belajar.. Kamu dalam satu institusi pembelajaran, belajar.. Itu je kerja awak. Belajar.. Lepas dah grad [graduasi], pandai-pandai lah Tapi masa di universiti, tugas kamu, belajar.. Tu ja. Ini saya dah cakap banyak kali bila ada reunion alumni apa semua diorang panggil, itu ja saya sebut. Belajar- -Tugas awak kat sini belajar- - Jangan nak main politik itu politik ini, nak *involve* pada kokurikulum *involve* tapi jangan sampai melalut.. Jangan sampai pembelajaran terganggu.. Tu ja.

- ZI : **Macam lepas kami dah *interview* (temubual) encik, contohlah macam kami sendiri nak teringin nak terlibat dalam bidang lakonan, macam mana kami nak masuk ke dalam tu? Adakah kena mula dengan pelakon tambahan?**
- HF : Kenapa nak berlakon? - - (Zaidi menjawab, tak mungkin kita nak cuba sendiri macam encik kata, kita belajar, kita cuba cari pengalaman baru) - - Cari peluang dalam kampus dulu.. *Join* [sertai] - - *join* [sertai] kelab-kelab teater ke apa ke - - (Razif mencelah, kebudayaan) - - Ha (bersetuju), walaupun bukan bidang awak.. Awak semua teknologi maklumat kan? (bertanya) - - (Zaidi dan Razif menjawab, ya betul) - - *Join* [sertai] kelab teater, *join* [sertai] kelab yang bukan berkaitan dengan IT (*Information Technology*).

## TAMAT BAHAGIAN E

### PENUTUP

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Hafidzuddin Fazil sepanjang berkhidmat sebagai seorang pelakon di Malaysia. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan dalam industri filem pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

### 5.0 RALAT

Sepanjang sesi temubual ini berlangsung, terdapat beberapa masalah dan halangan yang terjadi yang tidak dapat dielakkan. Antara masalah dan halangan tersebut adalah:

1. Bunyi suara-suara di dalam rumah
2. Bunyi batuk

Walaubagaimanapun. Semua masalah dan halangan ini tidak begitu mengganggu sesi temubual ini. Bunyi dan suara ketika temubual didengari dengan jelas dan kuat.

## 6.0 LOG TEMUBUAL

Muhamad Zaidi dan Muhammad Razif ALHaj menemubual Encik Hafidzuddin Fazil yang dilahirkan pada 17 Oktober 1958, di Kuantan, Pahang. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi 'Google Meet' untuk mengetahui mengenai latar belakang peribadi, kerjaya dan pengalaman hidup sebagai seorang pelakon, arkitek dan pengacara.

| LOG       | TOPIK                   | SUBJEK   |
|-----------|-------------------------|--|
| 1:57-3:30 | Latar belakang peribadi | <ul style="list-style-type: none"><li>- Nama tokoh Hafidzuddin Fazil</li><li>- Berumur 64 tahun</li><li>- Dilahirkan Kuantan dan dibesarkan di Johor dan Perak</li><li>- Diploma Sains Gunaan di ITM Shah Alam</li></ul> |

|             |                 |  |
|-------------|-----------------|--|
| 3:31 – 6:52 | Pendidikan Awal | <p>-bapa seorang polis, jadi hidup berpindah randah</p> <p>- banyak berpindah sekolah</p> <p>-sekolah rendah darjah satu(1) di Kulai</p> <p>-darjah dua(2) hingga darjah lima(5) di Ipoh</p> <p>-darjah enam(6) di Renggam,Johor</p> <p>-Tingkatan satu(1) hingga tingkatan lima(5) di Kluang,Johor.</p> <p>-tingkatan enam(6) selama 2 bulan di Sekolah Menengah Inggeris Kluang</p> <p>-masuk ke ITM (Institut Teknologi Mara) pada tahun 1976.</p> <p>-mengambil jurusan <i>MicroBiology</i> kursus 4 tahun</p> <p>- <i>grad</i> [tamat belajar] tahun 1980</p> |
|-------------|-----------------|--|



|                |  |   |
|----------------|--|---|
| 6.56 - 1.15.45 | Perjalanan Kerjaya dan pengalaman berlakon | <ul style="list-style-type: none"> <li>-bekerja di kilang pengeluaran makanan</li> <li>-bekerja selama tujuh(7) tahun di dua buah kilang</li> <li>-menjadi penolong pengurus pengeluaran</li> <li>-Kemudian <i>transferkan</i> [dipindahkan] ke bahagian <i>marketing</i>..pemasaran</li> <li>-ditukarkan menjadi <i>executive</i> pemasaran di bahagian pemasaran</li> <li>- ditukarkan ke bahagian <i>administration</i> menjadi <i>executive</i> perhubungan awam,menjadi <i>executive</i> PR [Public relation] ni selama tiga(3) tahun.</li> <li>-Pernah ditawarkan kan untuk <i>join advertising</i></li> <li>-Mengambil kursus <i>Public relation</i> di IPRM [<i>Institute of Public Relation Malaysia</i>]</li> <li>-Ditemuduga oleh agensi <i>advertising</i> dan ditawarkan menjadi pengurus akaun.</li> <li>-bekerja dalam agensi pengiklanan selama 20 tahun dan sering bertukar-tukar agensi</li> <li>- di agensi pengiklanan banyak berjumpa dengan orang penggiat seni.</li> </ul> |
|----------------|--|---|

|  |  |  |
|--|--|--|
|  |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>-Mula berlakon di pentas teater.</li> <li>- Pernah dijemput untuk mementaskan teater di Singapura.</li> <li>- Mula berjinak-jinak dengan Pengalihan suara (voice over)</li> <li>-mula menyumbang suara dalam animasi Tarzan.</li> <li>- Menyumbang suara dalam watak Bapak Lat dalam Kampung Boy.</li> <li>-diberi kepercayaan untuk menjadi pengarah dubbing.</li> <li>-Mula menerima projek dalam bidang dubbing.</li> <li>- berhenti kerja di agensi pengiklanan dan hanya fokus kepada dubbing.</li> <li>- Filem pertama dilakonkan adalah <i>Entrapment by Sean Connery</i></li> <li>- ditawarkan untuk berlakon dalam filem Cinta Kolestrol</li> <li>- Permulaan karier dalam bidang lakonan.</li> <li>- Pada tahun 2004, banyak mendapat tawaran berlakon.</li> <li>- tinggal bidang dubbing dan fokus kepada bidang lakonan.</li> </ul> |
|--|--|--|

|  |  |   |
|--|--|---|
|  |  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- banyak memegang watak kecil pada permulaan karier berlakon.</li> <li>- mengidolakan Rahim Razali dalam bidang lakonan</li> <li>- banyak berlakon di bawah production Metrowealth.</li> <li>- sudah berlakon hampir 20 filem, 17 dengan MetroWealth</li> <li>- berlakon dalam filem Hikaya Merong Mahawangsa sebagai Raja Phra Ong</li> <li>- Menceritakan pengalaman penggambaran filem Hikayat Merong Mahawangsa.</li> <li>- Panas ketika berlakon di Sabah.</li> <li>- Pengalaman paling tidak boleh dilupakan ketika berlakon filem duyung ialah pulau yang dibuat hanyut ke laut.</li> <li>- Pengalaman barang penggambaran hilang ketika di Sabah.</li> <li>-Pernah shooting di luar negara iaitu di Paris dan Australia</li> <li>- menyumbang suara dalam animasi <i>Despicable Me</i>, <i>How to Train Your Dragon</i> dan <i>Smurf 2</i>.</li> <li>- <i>Voice over</i> untuk klan</li> </ul> |
|--|--|---|

|  |  |   |
|--|--|---|
|  |  | <p>-Merupakan Ahli VOICE GUILD iaitu persatuan untuk menjaga kebajikan para pengalih suara.</p> <p>-Antara ahli terawal dengan nombor sir 0024 iaitu orang ke-24.</p> |
|--|--|---|

|                   |  |   |
|-------------------|--|---|
| 1:16:35 – 1:26:20 | Pencapaian dan sumbangan sepanjang menjadi seniman | <p>- Encik Hafidzuddin Fazil menyatakan bahawa beliau tidak pernah menerima apa-apa anugerah dan tidak pernah terfikir untuk mencapai apa-apa. Namun begitu, terdapat banyak rancangan tv dan filem yang pernah beliau lakonkan.</p> <p>- Encik Hafidzuddin Fazil juga masih giat berlakon sampai ke hari ini. Itulah sedikit sebanyak sumbangan yang dapat diberikan oleh beliau.</p> <p>-Walaupun tidak pernah menerima anugerah, sumbangan beliau dari segi penyampaian cara beliau melakonkan watak dan ilmu yang disampaikan merupakan salah satu sumbangan kepada industri seni tanah air Malaysia.</p> |
|-------------------|--|---|

|                  |         |   |
|------------------|---------|---|
| 1:26:20- 1:46:46 | Harapan | <p>- Encik Hafidzuddin Fazil menyatakan bahawa banyak harapan yang ingin beliau sampaikan. Antara harapan beliau ialah beliau berharap semoga penerbit di Malaysia tidak memfokuskan drama-drama yang berunsurkan cinta, tetapi fokuskan juga drama yang memberi kisah dan tauladan kepada masyarakat.</p> <p>- Selain itu, beliau juga berharap bahawa pelakon-pelakon yang baru sahaja terlibat dalam industri seni untuk mendisiplinkan diri dengan menjaga masa dan saling menghormati antara semua pelakon dan krew tanpa mengenal usia.</p> <p>- Seterusnya, beliau berharap agar tiada diskriminasi antara pelakon baru dan lama berkenaan bayaran untuk pelakon. Bersikap adil dan jangan pinggirkan seniman veteran.</p> <p>- Beliau juga berharap agar sesiapa sahaja yang terlibat</p> |
|------------------|---------|---|

|  |  |  |
|--|--|--|
|  |  | dalam industri seni dan lakonan untuk menjaga keterampilan diri untuk menjadi penggiat seni yang berkaliber dan professional |
|--|--|--|

## **7.0 HASIL KAJIAN**

Melalui dari sesi temubual bersama Encik Hafidzuddin Fazil, beliau berkongsi, menjelaskan, dan merangkaikan beberapa perkara. Berikut merupakan hasil kajian yang diperoleh semasa temubual bersama Enck Hafidzuddin Fazil.

### **7.1 Latar belakang seorang abah di layar perak**

Panggilan abah digelar oleh kerana sering memegang wakat bapak-bapak atau abah apabila berlakon dalam filem atau drama. Hafidzuddin bin Fazil nama yang tidak asing lagi dalam dunia lakonan masa kini.

Hafidzuddin Fazil dilahirkan pada tanggal 7 hari bulan 10 tahun tahun 58 (7/10/1958). Beliau dilahirkan di Kuantan, Pahang tetapi dibesarkan di dua buah negeri iaitu Johor dan Perak. Beliau merupakan anak kepada seorang anggota polis. Oleh kerana bapa beliau merupakan seorang anggota polis yang sering berkhidmat di banyak negeri, beliau turut mengikut bapanya berpindah apabila ditukarkan ketika dalam perkhidmatan. Hafidzuddin Fazil memulakan alam persekolahan beliau semasa darjah satu di Kulai, Johor. Beliau menyambung ke sekolah lain ketika beliau masuk usia darjah dua hingga darjah lima di Ipoh, Perak dan menamatkan zaman sekolah rendahnya di Renggam, Johor pada usia 12 tahun iaitu darjah enam. Hafidzuddin Fazil menyambung pelajaran tingkatan satu hingga tingkatan 5 di Kluang, Johor. Setelah menamatkan zaman persekolahan, beliau menyambung tingkatan enam selama dua tahun di Sekolah Menengah Inggeris Kluang, Johor. Selepas dua tahun berhempas-pulas, beliau menerima tawaran memasuki Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1976. Beliau mengambil jurusan Diploma *Microbiology* atau Sains Gunaan selama 4 tahun di ITM Shah Alam. Beliau menamatkan 4 tahun yang bermakna sebagai pelajar diploma di ITM pada tahun 1980.



Berbekalkan ilmu yang ada, beliau bekerja di dua buah kilang pengeluaran makanan selama tujuh tahun. Di kilang pertama, beliau berkhidmat selama dua tahun kemudian di kilang kedua beliau berkhidmat selama lima tahun sebagai *assistant production manager* dan ditukarkan ke bahagian *marketing*. Beliau menjadi *Assistant manager* selama setahun ketika berada di bahagian *marketing*. Selepas berkhidmat di bahagian *marketing*, beliau ditukarkan menjadi eksekutif pemasaran di bahagian pemasaran. Beliau terus berkhidmat dan dapat ditukar ke bahagian pentadbiran sebagai eksekutif perhubungan awam selama tiga tahun. Ketika menjadi eksekutif perhubungan awam, beliau banyak berjumpa dengan ramai orang dan menjadi permulaan perjalanan beliau sebagai seorang artis.

## **7.2 Dari sektor pengilangan ke pentas teater**

Bidang mikrobiologi dan pentas teater bukanlah bidang yang selari. Akan tetapi dengan kehebatan bakat dan kepakaran yang dimiliki oleh seorang yang boleh digelar seniman veteran Hafidzuddin Fazil dapat melonjakkan diri beliau dalam industri perfileman tanah air. Hafidzuddin Fazil memulakan karier beliau dengan bekerja di sebuah kilang pengeluaran makanan. Beliau menceburi segala bidang bermula dari bawah sehingga beliau terdedah dalam kancah pengiklanan. Disitulah bakat beliau dihidu oleh orang industri. Beliau mula menonjolkan bakatnya di pentas teater. Disebabkan keinginan dan minat yang mendalam, beliau mengasah lagi bakat dengan menyertai latihan. Setiap latihan itu penting untuk melatih pelakon dalam melontar suara, mengawal emosi dan intonasi serta pergerakan ketika persembahan. Untuk menjadi pelakon yang terbaik, pentas teater merupakan satu cabang dan permulaan yang terbaik untuk mengasah bakat.

### 7.3 Alih suara sebagai kerjaya

Encik Hafidzuddin Fazil merupakan salah seorang pelakon alih suara Malaysia yang berdaftar di bawah Voice Guild Malaysia. The Voice Guild Malaysia ialah persatuan artis suara Malaysia, dengan tujuan untuk mempertahankan *standard* profesional serta keadaan kerja dalam industri rakaman suara. Ditubuhkan pada tahun 2000 oleh beberapa artis suara terkemuka Malaysia, persatuan itu telah berkembang kepada lebih 150 ahli yang mempelajari bakat Inggeris, Melayu, Tamil dan Cina dari semua peringkat umur. Encik Hafidzuddin menyatakan dia merupakan ahli yang ke 24 berdaftar dengan nombor 0024 di dalam Voice Guild. Beliau terlibat dalam alih suara justeru setelah beliau bekerja sebagai eksekutif perhubungan awam di bawah agensi pengiklanan dan pemasaran di sebuah syarikat. Pada tahun 1995, beliau berjinak-jinak dalam alih suara pengiklanan dan kerjaya alih suara meluas lagi bila beliau mengalih suara sebuah filem yang bertajuk *Lion of the Dessert* pada tahun 1995. Beliau dipanggil oleh syarikat stesen televisyen, TV3 untuk mengalih suara drama dan filem arab ke bahasa melayu. Beliau juga melibatkan diri dalam alih suara kartun animasi yang bertajuk Kampung Boy dan membawa watak Yop iaitu bapa kepada Mat selepas berjaya dalam sesi pemilihan pengalih suara. Dalam masa yang sama juga, salah seorang dari panel pemilihan watak Kampung Boy berkenan untuk memanggil beliau untuk datang ke sesi pemilihan kartun animasi Tarzan pada tahun 1998. Beliau berjaya mendapat watak Clayton untuk dialih suara. Begitu juga dengan seterusnya, beliau sering di panggil oleh syarikat stesen televisyen, Astro untuk mengalih suara kartun animasi sehingga beliau mengambil keputusan untuk berhenti sebagai eksekutif perhubungan awam. Beliau juga mengalih suara beberapa kartun animasi antarabangsa yang lain ke bahasa melayu seperti Despicable Me 2 sebagai Eduardo Perez, How to Train Your Dragon sebagai Stoick, dan the Smurf sebagai Papa Smurf. Secara ringkasnya, kita haruslah sentiasa bersedia menceburi bidang dan peluang yang baru agar kita maju ke depan dalam membina nama untuk memberi sumbangan kepada negara dari segi penyampaian ilmu dalam mengalih suara walaupun dalam industri seni dan perfilman.

#### **7.4 Seniman veteran dipinggirkan**

Duka citanya, seniman veteran pada masa kini terasa dipinggirkan. Dengan adanya pelakon baru dan muda, ketidakadilan berlaku dalam industri seni. Encik Hafidzuddin Fazil, 63, merupakan seniman veteran yang giat aktif dalam industri seni tanah air dari tahun 1990 sehingga kini. Pelbagai liku-liku dan cabaran sepanjang bergelar seniman. Beliau banyak berjumpa dan bekerja dengan ramai orang. Oleh kerana beliau berpewatakan seorang bapa, beliau selalu memegang watak lakonan sebagai bapa, dato, tan sri, dan tok imam. Lakonan beliau dalam filem yang bertajuk “Cinta Kolestrol” memberi tempat kepada beliau melakonkan watak sebagai Dato Osman, bapa kepada watak utama yang dilakonkan oleh Erra Fazira sebagai Fazira. Selepas daripada itu, beliau mendapat banyak tawaran untuk berlakon. Walau bagaimana pun, setelah lama terlibat dalam industri seni, beliau juga pernah berhadapan dengan situasi dimana beliau dibayar dengan kadar yang tidak setimpal. Situasi ini bukan sahaja berlaku kepada beliau, malah turut dirasai oleh rakan artis veteran yang lain tetapi tiada yang menyuarakan. Isu bayaran yang tidak setimpal ini jugalah yang membuatkan rakan artis veteran yang lain sebagai satu punca untuk tidak terlibat lagi dalam industri seni. Beliau juga menyatakan bahawa salah seorang pelakon watak utama dibayar dengan kadar yang rendah. Dalam artikel yang lain juga menyatakan bahawa Encik Jalil Hamid ditawarkan bayaran sebanyak RM150. Beliau tidak dapat menerima tawaran tersebut kerana itu dianggap sebagai satu penghinaan kepada mereka (Syafli, 2020). Selain daripada bayaran yang tidak setimpal, seniman veteran juga tidak dipandang hormat oleh artis-artis baru yang lain. Encik Hafidzuddin Fazil tidak berharap untuk dihormati tetapi sebagai individu, nilai saling menghormati perlulah dipupuk. Sebagai seorang artis juga, nilai jati diri perlu diterapkan dalam diri agar berpotensi untuk menjadi artis yang berkaliber dan professional supaya boleh bergerak jauh. Semoga industri seni tanah air memandang serius akan masalah yang berlaku dalam kalangan artis agar kita lebih maju lagi dalam kegiatan industri seni dan perfileman di Malaysia.

## INDEKS

### A

Aktif 1,6,8,9,13,16,19,22,44,73

Artis 36, 37,42,43,45,71,72,73

Alih 44,46,49,64,66,72

### B

Budaya 10,14,27,60

Bantuan 13,14

### C

Covid 3,9,15,47,50,82

### D

Dubbing 1,24,25,26,37,41,64

### H

Hari 14,15,19,20,23,24,25,31,32,33,36,35,  
55,67,70

Hafidzuddin 1,2,3,6,8,10,11,15,16,17,18,19,  
60,61,67,70,71,72,73

### J

Juta. 26,45

### K

Kelab 60,79

### L

Lakonan 7,8,13,15,16,23,27,29,42,44,57,60,  
64,65,69,70,73,79,80,81,82

### P

Pengarah 7,21,22,24,32,41,43,48,51,53,57,58,  
59,64

Penerbit 7,9,10,23,26,51,53,57,68

### R

Rakan 10,23,25,27,36,37,38,42,54,71,80

Rakaman 14,15,19,72

### S

Sekolah 20,22,45,62,70,79

### T

Teater 7,14,22,23,26,27,28,44,49,60,64,71

Telemovie 29

### U

Universiti 3,6,8,59

## RUJUKAN

Ali, A. W. (2021b, June 14). *Cabaran Penggiat Teater Baharu di Malaysia*.

academia

[https://www.academia.edu/10252357/Cabaran\\_Penggiat\\_Teater\\_Baharu\\_di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/10252357/Cabaran_Penggiat_Teater_Baharu_di_Malaysia)

Amirul Haswendy Ashari. (2019). Asyik muka sama saja, artis veteran terabai. *Harian Metro*.

Retrieved July 20, 2022, from

<https://www.hmetro.com.my/rap/2019/05/460953/asyik-muka-sama-saja-artis-veteran-terabai>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Carian Umum*. Retrieved May 14, 2022, from

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kaedah>

Educalingo. (2022). SENIMAN - Definition and synonyms of seniman in the Malay dictionary.

Retrieved May 14, 2022, from <https://educalingo.com/en/dic-ms/seniman>

SEJARAH LISAN. (n.d.). *Projek Kajian Sejarah Lisan*.

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Sejauh manakah Sejarah Lisan penting Dan diperlukan Dalam ... - researchgate. (n.d.).

Retrieved June 13, 2022, from

[https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)

Syafil Syazwan Jefri. (2021). Tergamak bayar saya RM150. *Harian Metro*.

Retrieved July 24, 2022, from

<https://www.hmetro.com.my/rap/2021/07/729828/tergamak-bayar-saya-rm150-jalil-hamid>

Hafidzuddin Fazil. (n.d.). IMDb.

<https://www.imdb.com/name/nm3603338/>

Hafidzuddin Fazil. (n.d.-b). Wikiwand.

[https://www.wikiwand.com/ms/Hafidzuddin\\_Fazil](https://www.wikiwand.com/ms/Hafidzuddin_Fazil)

Kuba, J. T. P., & Prasetya, H. Y. (2021). Implementasi Teknik Foley Dan Voice Over Dalam Pembuatan Film Dokumenter Wonderful Batam. *JOURNAL OF APPLIED MULTIMEDIA AND NETWORKING*, 5(1), 53–63.

<https://doi.org/10.30871/jamn.v5i1.2492>

Malaysia Kini. (2020). Aspek kebajikan seniman veteran diteliti untuk penambahbaikan -  
Annuar. Bernama. Retrieved July 28, 2022 from

<https://www.malaysiakini.com/hiburan/618678>

*What is dubbing? How is dubbing done for films and cartoons.* (n.d.). LANET PRODUCTION.

[https://lanet.pro/en/blog/what\\_is\\_dubbing/](https://lanet.pro/en/blog/what_is_dubbing/)

## LAMPIRAN

### Lampiran 1 – Surat Kebenaran

www.uitm.edu.my



Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 307/2)  
Tarikh : 24 April 2022

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

#### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

| Bil | Nama                             | No. Pelajar |
|-----|----------------------------------|-------------|
| 1   | MUHAMMAD RAZIF ALHAJ BIN MATDAUD | 2021715187  |
| 2   | MUHAMAD ZAIDI BIN IDRIS          | 2021597609  |

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245)**, bahagian (5) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti **Oral Documentation (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **MUHAMMAD RAZIF ALHAJ BIN MATDAUD** di talian 01123671517.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Sekian, terima kasih.

Yang benar

**RUSLINDA RAZAK**  
Penolong Pendaftar Kanan  
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan  
Tel: (+09)976 2000 2162 2266 Faks: (+09)976 2156  
Email: trbreakln@kelantan.uitm.edu.my



## Lampiran 2 – Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Hafidzuddin bin Fazil K/P: 581007-06-5375 pada  
14 Jun 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/bdsk perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: Hafidzuddin bin Fazil)  
Tarikh: 14 Jun 2022

(Nama pensyarah: Nurulnisa Binti Abdullah)  
b.p. Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA



### Lampiran 3 – Soalan Temubual

#### **LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Bolehkah Encik memperkenalkan nama penuh Encik?
2. Adakah Encik mempunyai nama panggilan dalam keluarga
3. Berapakah umur Encik pada tahun ini (2022)?
4. Bilakah tarikh lahir encik?
5. Negeri manakah tempat kelahiran Encik dan dibesarkan?
6. Berapakah adik beradik Encik?
7. Dalam bilangan adik beradik, Encik anak yang ke berapa?

#### **SEJARAH PENDIDIKAN:**

8. Pada tahun bilakah Encik mendapatkan pendidikan awal?
9. Dimanakah Encik bersekolah rendah?
10. Dimanakah Encik sambung belajar di peringkat universiti?
11. Pada tahun berapakah Encik mulai menerima pendidikan di peringkat universiti?
12. Apakah jurusan yang diambil oleh Encik Ketika di universiti?
13. Adakah Encik pernah terlibat dengan aktiviti persatuan/ kelab yang dianjurkan pihak universiti?

#### **KERJAYA SEBAGAI PELAKON**

14. Apakah yang menarik minat Encik untuk menjadi seorang pelakon?
15. Bilakah Encik mula menceburi dalam bidang lakonan?
16. Siapakah yang mempengaruhi Encik dalam bidang lakonan?
17. Agensi manakah yang mengambil Encik menjadi pelakon?
18. Siapakah idola Encik dalam bidang lakonan?
19. Bagaimana Encik boleh menjadi seorang pelakon?
20. Siapakah pendorong Encik untuk menjadi seorang pelakon?
21. Apakah faktor utama Encik memilih kerjaya sebagai seorang pelakon?
22. Adakah keluarga Encik bersetuju dengan pemilihan kerjaya Encik sebagai seorang pelakon?

23. Apakah filem lakonan pertama yang Encik lakonkan?
24. Apakah watak yang Encik lakonkan dalam filem pertama?
25. Apakah cabaran yang Encik lalui dalam penggambaran filem pertama?
26. Apakah watak yang Encik gemar?
27. Berapa banyak watak yang Encik pernah lakonkan?
28. Bagaimanakah Encik cuba untuk menyesuaikan diri dalam menjiwai watak?
29. Apakah cabaran yang Encik hadapi sewaktu penggambaran lakonan pertama Encik?
30. Apakah pengalaman manis Encik sewaktu penggambaran lakonan?
31. Apakah drama/filem yang terbaru Encik lakonkan?
32. Apakah watak yang Encik bawa dalam drama/filem tersebut?
33. Bagaimana Encik mempersiapkan diri sebelum melakonkan watak?
34. Apakah yang Encik lakukan setelah selesai berlakon?
35. Bagaimana Encik mengekalkan kualiti sebagai seorang pelakon?
36. Apakah watak yang paling mencabar yang pernah dilakonkan?
37. Pernakah Encik menjadi watak utama dalam filem/drama? Nyatakan.
38. Siapakah rakan artis yang Encik rapat dan selesa?
39. Bagaimanakah Encik menjaga hubungan bersama rakan artis dan masyarakat luar?
40. Apakah bentuk latihan yang baik untuk diberikan kepada pelakon yang baru menceburi bidang lakonan?
41. Duyung antara filem yang meletup pada suatu ketika dahulu, apakah perasan Encik sebagai seorang pelakon dalam filem tersebut?
42. Sepanjang penggambaran filem Duyung, apakah momen yang mencabar yang tidak boleh dilakukan ketika itu?
43. Dimanakah lokasi filem Duyung dilakonkan?
44. Siapakah Phra Ong dalam watak Hikayat Merong Mahawangsa?
45. Dalam filem Santau, apakah watak dan cabaran sepanjang penggambaran?

#### **KERJAYA SEBAGAI ALIH SUARA**

46. Selain menjadi pelakon, kami dapati Encik juga menceburi bidang alih suara. Apakah watak alih suara Encik yang pertama?
47. Pada tahun bilakah Encik menjadi pengalih suara?
48. Bagaimana Encik minat menceburi bidang alih suara?

49. Siapakah yang mendorong Encik dalam bidang alih suara?
50. Apakah watak yang digemari dan mudah untuk alih suara?
51. Bagaimana Encik boleh dipilih sebagai pengalih suara dalam cerita Tarzan?
52. Apakah cabaran yang dihadapi sepanjang membawa watak sebagai alih suara?
53. Bagaimana Encik mengatasi cabaran tersebut?
54. Pada tahun 2014, Encik dipilih sebagai watak Papa Smurf untuk alih suara dan bagaimana sesi pemilihan alih suara itu dilakukan?
55. Apa yang perlu dilakukan untuk melayakkan kita untuk menjadi watak yang perlu dialih suara?
56. Apakah bakat yang Encik ada selain alih suara dan lakonan?
57. Apakah filem atau animasi yang Encik pernah menjadi alih suara selain Tarzan dan Smurf?

#### **PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN SEPANJANG MENJADI SENIMAN**

58. Apakah pencapaian dan sumbangan sepanjang terlibat dalam industri hiburan?
59. Pada pendapat Encik, apakah sumbangan atau faktor yang melayakkan pencapaian tersebut?
60. Pada tahun bilakah Encik menerima pencapaian tersebut?
61. Apakah reaksi Encik dan keluarga ketika memperoleh pencapaian tersebut?
62. Siapakah mendorong Encik untuk memperoleh pencapaian tersebut?
63. Sepanjang terlibat dalam industri hiburan, berapa banyakkah watak dan filem yang pernah Encik lakonkan?
64. Apakah filem/drama yang paling terkenal ketika Encik melakonkan watak?
65. Apakah antara filem yang Encik lakonkan menjadi kegemaran Encik?

## **HARAPAN**

66. Apakah harapan Encik buat seniman dalam industri hiburan pada masa kini?
67. Apakah pandangan Encik terhadap seniman pada masa kini?
68. Apakah prinsip Encik yang paling penting sepanjang menceburi bidang ini?
69. Apakah cabaran Encik selaku pelakon veteran dalam industri seni untuk kekal berlakon dan bersaing dengan pelakon muda?
70. Selepas isu berkaitan bayaran pelakon veteran yang tidak setimpal, apakah pandangan Encik berkenaan isu itu?
71. Pada pendapat Encik apakah kepentingan kita sebagai rakyat dalam menghargai karya yang dihasilkan oleh seniman?
72. Apakah watak yang Encik paling impikan untuk berlakon?
73. Sekiranya Encik ingin melakonkan pengambaraan, dengan siapakah Encik ingin berlakon?
74. Bagaimanakah cara masyarakat kini menghargai nilai karya yang dihasilkan oleh seniman tanah air?
75. Apakah kesan yang dihadapi oleh industri hiburan sepanjang pandemik Covid-19?
76. Sebagai seniman veteran, apakah nasihat Encik kepada masyarakat yang tidak mementingkan ilmu dan hasil karya dari seniman tanah air?
77. Apakah pandangan Encik terhadap filem/drama yang terhasil pada masa ini?
78. Sebagai salah seorang artis veteran tanah air, apakah harapan Encik terhadap industri negara dalam menghargai artis veteran?
79. Sebagai seorang alumni UiTM, apakah pesanan dan nasihat Encik kepada mahasiswa UiTM yang sedang melanjutkan pengajian?
80. Sebagai salah seorang terlibat dalam industri lakonan dan perfileman apakah harapan terbesar Encik dalam industri perfileman negara mengembangkan industri filem Malaysia di peringkat global?

Lampiran 4 – Diari Kajian

**DIARI KAJIAN**

| <b>MASA</b> | <b>TARIKH</b> | <b>PERKARA</b>  | <b>TINDAKAN</b>  |
|-------------|---------------|---|--|
| 0800-1000   | 5 April 2022  | Puan Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah subjek IMR604 memberi penerangan mengenai tugas sejarah lisan. | Cakna akan maklumat dan penerangan yang diberikan untuk rujukan dan garis panduan. |
| 0800-1000   | 6 April 2022  | Membuat kajian berkenaan seniman veteran menggunakan maklumat yang diberi oleh pensyarah.                 | Mengenal pasti syarat seniman veteran melalui garis panduan yang diberikan.        |
| 0800-1000   | 15 April 2022 | Menyenaraikan senarai seniman veteran untuk ditemubual antaranya Profesor Razak Mohaideen dan Zul Yahya   | Membuat senarai pendek dan mencari maklumat berkenaan seniman.                     |
| 0800-1000   | 16 April 2022 | Mencari maklumat mengenai tokoh yang menepati kriteria.   | Memastikan tokoh sesuai untuk ditemubual.  |
| 0800-1000   | 18 April 2022 | Memilih Profesor Razak Mohaideen dan membuat abstrak berkenaan tokoh.                                     | Menghantar abstrak kepada pensyarah untuk mendapatkan pengesahan                   |

|           |               |   |   |
|-----------|---------------|---|---|
| 0800-1000 | 24 April 2022 | Mendapatkan surat penyelidikan dari Hal Ehwal Akademik, UiTMCK dengan bimbingan dari pensyarah. | Surat penyelidikan telah diperoleh.   |
| 0800-1000 | 11 Mei 2022   | Menghubungi Profesor Razak Mohaideen untuk atur masa dan tarikh temubual.                       | Menghubungi Profesor Razak Mohaideen melalui ruang mesej Instagram tetapi tiada respon.             |
| 0800-1000 | 14 Mei 2022   | Memilih Zul Yahya untuk ditemu bual kerana tidak mendapat respon dari pilihan yang pertama      | Menghubungi seniman untuk ditembual dan berjaya mendapat Tarikh untuk ditemubual pada 6 Julai 2022. |
| 0800-1000 | 16 Mei 2022   | Mendapatkan pengesahan dari pensyarah setelah berunding dengan seniman, Zul Yahya.              | Menghantar semula abstrak yang baru dan menyiapkan <i>preliminary notes</i> .                       |

|           |               |   |   |
|-----------|---------------|---|---|
| 0800-1000 | 4 Julai 2022  | Menyiapkan soalan temubual  | Merujuk fakta soalan temubual berdasarkan carian di internet dan hantar kepada penjarah.      |
| 2030-2230 | 6 Julai 2022  | Bersedia untuk menemubual seniman tetapi temubual dibatalkan di saat-saat ingin ditemubual atas masalah yang tidak dapat dielakkan. | Memilih untuk menukar seniman   |
| 2030-2230 | 9 Julai 2022  | Menghubungi Encik Hafidzuddin Fazil, salah seorang seniman veteran.   | Mendapat pengesahan dari seniman untuk ditemubual pada 14 Julai 2022 atas permintaan seniman. |
| 2030-2230 | 10 Julai 2022 | Menyiapkan soalan temubual berkenaan seniman.   | Mengubah semula segala tugas yang diberi.   |

|           |               |   |   |
|-----------|---------------|---|---|
| 1400-1600 | 14 Julai 2022 | Menemubual seniman dengan menggunakan laptop di bilik kolej kediaman secara atas talian menggunakan platform Google Meet. | Berjaya diselesaikan dengan masa tembual, 1 jam 47 minit. |
| 2030-2230 | 18 Julai 2022 | Menyiapkan kertas kerja, transkrip, preliminary preparation, dan abstrak temubual seniman veteran                         | Hendaklah dihantar pada 3 Ogos 2022                       |
| 2030-2230 | 3 Ogos 2022   | Tugasan dihantar sedikit lewat atas masalah dari pihak penemubual menyiapkan tugas.                                       | Selesai.  |



Lampiran 5 – Gambar

